



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI




FIQH IBADAH

فِقْهُ عَبَادَةٍ

TECHNO HUFFAZ PSA

Masitah binti Mohd Ali
Siti Noryanie binti Yusoff
Mek Zah binti Che Ahmad



MODUL
Interaktif

FIQH IBADAH

عبدة فتاوى

TECHNO HUFFAZ PSA

Penulis :

Masitah binti Mohd Ali
Siti Noryanie binti Yusoff
Mek Zah binti Che Ahmad

FIQH IBADAH

فَقْد عِبادَة

TECHNO HUFFAZ PSA

Tiada bahagian daripada terbitan buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebaran alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah terlebih dahulu.

Modul Fiqh Ibadah

Penulis : Masitah binti Mohd Ali

Penulis : Siti Noryanie binti Yusoff

Penulis : Mek Zah binti Che Ahmad

Editor dan pereka letak : Ainoor Mahfuzah binti Ahmad

No eISBN : 978-967-0032-18-4

Terbitan pertama 2022

Diterbitkan oleh:

UNIT PENERBITAN

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Persiaran Usahawan


Seksyen U1

40150 Shah Alam

Selangor

Telephone No. : +603 5163 4000

Fax No. : +603 5569 1903



Techno Huffaz
POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

FIQH IBADAH

୦୯୮୨୯୮୫୩୬

TECHNO HUFFAZ PSA

Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjatkan kepada Allah SWT, Tuhan yang mencipta semesta alam dan manusia di muka bumi. Dengan limpah rahmat dan taufik Allah SWT, akhirnya kami berjaya menghasilkan sebuah buku Fiqh al-Ibadat untuk memenuhi keperluan pelajar dan pensyarah sebagai sumber rujukan berpandukan kurikulum Darul Quran, JAKIM bagi Pensijilan Tahfiz Politeknik Malaysia.

Buku ini membincangkan topik berkenaan bersuci, wuduk, mandi, tayammum, solat, puasa dan pernikahan. Selain mengandungi nota yang padat, buku ini turut dilengkapi dengan soalan-soalan latihan untuk menguji minda pelajar. Di samping itu, ilustrasi gambar-gambar yang menarik dan nota ringkas dapat menarik minat serta memberi kefahaman yang lebih baik kepada pelajar.

Setinggi-tinggi penghargaan dan rakaman terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menghulurkan bantuan serta sokongan padu dalam menjayakan penerbitan buku ini. Semoga usaha murni ini memberi manfaat kepada semua pihak khususnya pelajar dan sekaligus memperkasakan lagi aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Akhir kata, segala yang baik datangnya daripada Allah SWT dan segala kelemahan datangnya daripada barisan penulis.

FIQH IBADAH

فِقْهُ عَبَادَةٍ

TECHNO HUFFAZ PSA

PENULIS

Ketua Penulis

Masitah binti Mohd Ali berkelulusan Universiti Malaya.

Beliau berkhidmat sebagai Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia selama 13 tahun.

Beliau kini bertugas sebagai **pensyarah dan Penyelaras Pusat Akademik dan Teknologi Instruksional Terkehadapan (FITAC)** di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Berpengalaman mengajar serta terlibat dalam **membangunkan silibus Mata Pelajaran Umum (MPU) dan penulisan buku Nilai Masyarakat Malaysia** Siri Politeknik terbitan Oxford Fajar.



Penulis

Siti Noryanie binti Yusoff berkelulusan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Beliau berkhidmat dengan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia sebagai **pensyarah dan Pegawai Latihan Industri** selama 13 tahun. Beliau kini bertugas sebagai pensyarah di Jabatan Pengajian Am, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Hasil karya beliau yang telah diterbitkan ialah **Nilai Masyarakat Malaysia**, Siri Politeknik, terbitan Oxford Fajar.



Penulis

Mek Zah binti Che Ahmad berkelulusan Sarjana Muda Ilmu Wahyu dan Warisan Islam (Fiqh & Usul al-Fiqh) (Kepujian) daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Beliau berkhidmat dengan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia sebagai Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi selama 22 tahun. Beliau kini bertugas sebagai **Pensyarah Kanan** di Jabatan Pengajian Am, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Hasil karya beliau yang telah diterbitkan ialah **Pengajian Islam**, terbitan Bahagian Pengajian Islam, Jabatan Pengajian Am, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (2011).



PENGENALAN	1
BAB 1 BERSUCI	2
BAB 2 WUDUK	12
BAB 3 MANDI	20
BAB 4 TAYAMUM	24
BAB 5 IBADAH SOLAT	28
BAB 6 SOLAT JUMAAT	42
BAB 7 SOLAT-SOLAT SUNAT	46
BAB 8 SOLAT JAMA' & QASAR	59
BAB 9 PUASA	66
BAB 10 PERTUNANGAN	75
BAB 11 PERNIKAHAN	82
LATIHAN PENGUKUHAN	95
KESIMPULAN	105
RUJUKAN	106



PENGENALAN

PENGENALAN

Manusia diciptakan oleh Allah SWT untuk beribadat kepada-Nya. Sebagaimana dalam firman Allah SWT dalam surah Az-Zariyat, ayat 56, tujuan manusia diciptakan adalah untuk mengabdikan diri kepada-Nya.

وَمَا حَلَقْتُ أَجْنَانَ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ
٥٦

Maksudnya : "Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka mengabdi kepada-Ku"

(Az-Zariyat : 56)

Manusia diwajibkan untuk beribadat kepada Allah SWT mengikut syariat yang telah ditetapkan-Nya.



"<https://www.freepik.com/photos/people-praying>"

Selain beribadat kepada Allah SWT, manusia juga ditugaskan sebagai khalifah di muka bumi. Manusia bertanggungjawab untuk memakmurkan bumi dengan menggunakan sumber alam dengan bijak.

01

BERSUCI

Hasil Pembelajaran

- 1. Pelajar dapat menjelaskan pengertian bersuci mengikut perspektif ilmu fiqah.**
- 2. Pelajar dapat menghuraikan hikmah pensyariatan bersuci.**


PENULIS :
Siti Noryanie binti Yusoff

DEFINISI BERSUCI

Bersuci dari sudut **bahasa** adalah bersih dan bebas daripada segala kekotoran sama ada dalam **bentuk nyata** (boleh dilihat dengan mata) seperti najis atau **bentuk maknawi** seperti perkara yang mengaibkan atau sifat keji. Dari sudut **istilah** ilmu fiqah bersuci adalah membersihkan diri daripada hadas dan najis sehingga membolehkan seseorang itu mengerjakan ibadat.

Definisi tersebut menjelaskan bahawa bersuci ialah membersihkan sesuatu yang berupa hadas dan najis yang ada pada tubuh badan kita. Hadas ialah sesuatu yang keluar dari dua jalan, manakala najis pula ialah sesuatu yang kotor yang melekat pada badan kita, tempat dan pakaian, yang berasal dari luar atau dari dalam diri manusia.

SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH



01

BERSUCI

HIKMAH PENSYARIATAN

01

TUNTUTAN FITRAH MANUSIA :

Manusia cenderung kepada kebersihan dan fitrahnya tidak suka kepada kekotoran. Oleh sebab Islam adalah agama fitrah, maka Islam memerintahkan manusia untuk bersuci dan menjaga kebersihan.

02

MEMELIHARA KESIHATAN :

Kebersihan sangat penting untuk menjauhkan manusia daripada pelbagai jenis penyakit kerana kebanyakan penyakit yang menular adalah disebabkan kekotoran. Menjaga kebersihan seperti membersihkan badan,muka,tangan,hidung dan kaki beberapa kali sehari menjadikan badan sentiasa terpelihara daripada sebarang penyakit. Ini kerana anggota-anggota tersebut merupakan anggota yang sentiasa terdedah kepada kekotoran.

03

BERIBADAT DALAM KEADAAN SUCI DAN BERSIH :

Allah SWT kasih dan suka kepada hamba-hamba yang membersihkan batinnya dengan bertaubat dan membersihkan zahirnya dengan bersuci. Oleh itu, bersuci adalah disyaratkan sebelum mengerjakan solat atau ibadah-ibadah lain supaya dapat bermunajat dan berhubung dengan Allah SWT dalam keadaan yang bersih lagi suci. Amatlah tidak pada tempatnya apabila seseorang mengadap Allah SWT dalam keadaan kotor dan berlumur najis. Bersuci sangat dituntut dalam Islam kerana ia menjamin kesihatan manusia dan dapat beribadat dalam keadaan suci

01

BERSUCI

04

MEMELIHARA KEMULIAAN DAN KEHEBATAN INDIVIDU:

Individu yang bersih akan disukai manusia lain dan memandang rendah kepada individu yang pengotor dan busuk. Oleh itu, Islam memerintahkan Muslim untuk menjaga kebersihan agar menjaga kemuliaan dan kehebatan individu tersebut.

REFLEKSI MINDA



- | | | |
|----|---|--|
| 01 | Tuntutan fitrah manusia | |
| 02 | Kemuliaan dan kehebatan individu Muslim | |
| 03 | Memelihara kesihatan | |
| 04 | Beribadat dalam keadaan suci dan bersih | |

JENIS-JENIS NAJIS

Najis terbahagi kepada 3 bahagian iaitu **mukhaffafah**, **mutawassitah** dan **mughallazah**.

01

NAJIS MUKHAFFAFAH

Najis ini adalah air kencing kanak-kanak lelaki yang berumur kurang daripada 2 tahun dan tidak makan apa-apa selain susu ibunya sahaja. Cara menyucikan najis ini adalah dengan memercikkan atau merenjis air ke atas najis tersebut sehingga rata. Memadailah memercikkan air pada kadar yang lebih daripada jumlah air kencing kanak-kanak tersebut tidak kira sama ada air itu mengalir atau tidak.

02

NAJIS MUTAWASSITAH

Najis ini juga dikenali **najis pertengahan** iaitu najis selain najis mukhaffafah dan mughallazah. Cara menyucikan najis ini adalah dengan menggunakan air mutlak sehingga hilang rupa, rasa dan bau najis.

C
O
N
T
O
H

- Darah yang mengalir dan tidak membeku.
- Nanah iaitu darah yang sudah busuk dan menimbulkan bau busuk dan ulat.
- Muntah iaitu makanan yang keluar daripada perut besar.
- Mazi adalah cecair yang keluar daripada kemaluan lelaki atau wanita semasa naik syahwat.
- Wadi adalah cecair yang keluar semasa membawa sesuatu yang berat atau bekerja berat.
- Bangkai selain mayat manusia, belalang dan ikan.
- Arak atau minuman yang memabukkan.
- Susu dan mani binatang yang tidak halal dimakan.
- Daging binatang yang dipotong semasa masih hidup.

03

NAJIS MUGHALLAZAH

Najis ini juga dikenali sebagai **najis berat** iaitu najis babi dan anjing serta anak yang lahir salah satu daripadanya. Segala perkara yang ada kaitan dengan kedua-duanya seperti tahi, kencing, daging, kulit dan sebagainya adalah najis mughallazah. Firman Allah SWT :

قُلْ لَا أَجِدُ فِي مَا أُوحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَى طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ وَإِلَّا أَنْ
يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا مَسْفُوحًا أَوْ لَحْمًا خِنْزِيرٍ فَإِنَّهُ رِجْسٌ أَوْ
فِسْقًا أَهْلَ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ فَمَنِ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَإِنَّ رَبَّكَ

١٤٥

غَفُورٌ رَّحِيمٌ

Maksudnya : "Katakanlah : "Tiadalah aku mendapati dalam wahyu yang diwahyukan kepadaku sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya, kecuali kalau makanan itu bangkai, atau darah yang mengalir, atau daging babi kerana sesungguhnya semua itu kotor atau binatang yang disembelih atas nama selain Allah. Barangsiapa yang dalam keadaan terpaksa sedang dia tidak menginginkannya dan tidak (pula) melampaui batas, maka sesungguhnya Tuhanmu Maha Pengampun, lagi Maha Penyayang".

(Surah al-An'am : 145)

Cara menyucikan najis ini adalah dengan membasuh tujuh kali dan salah satu daripada tujuh basuhan itu hendaklah air yang dicampur dengan tanah. Sebelum itu, hendaklah dihilangkan tiga perkara iaitu warna, bau dan rasanya.



AMBIL TAHU



PELBAGAI HUKUM & FATWA

Hukum Menyentuh Rubah atau Serigala



Setiap haiwan yang hidup adalah bersih melainkan anjing dan babi serta apa yang dilahirkan oleh kedua-duanya (sekalipun ia anjing yang dilatih)

Kitab Hasyiah Syeikh Ibrahim Baijuri (1/201)



Haiwan yang tidak menyalak, sekalipun rupanya seperti anjing (seperti Serigala dan Rubah) maka ia bukanlah dari katagori Anjing dan tidak berkongsi akan hukumnya.

Dar Ifta Misriah

Rubah & Serigala ≠ Anjing

Tiada dalil
sebut najis

Bukan keturunan
anjing

Bukan kalangan
anjing



“Hukum bagi serigala dan rubah adalah tidak sama seperti hukum anjing & keturunannya. Dapat kita simpulkan bahawa najis mahupun bangkai serigala dan rubah ini tergolong di dalam Najis Mutawassithah (Najis Sederhana) yang hanya perlu menghilangkannya (iaitu sifat najis) dengan menggunakan air Mutlak sahaja”.

Sahibus Samakah

Dato' Seri Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri

الكافي للفتاوى
Al-Kafi li'l Al-Fataawi



Mufti Wilayah Persekutuan



@drzul_albakri



@drzulkifli.albakri



Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan

PHF#108
SUMBER
<http://muftiwp.gov.my>

AL-KAFI #830

HUKUM MENYENTUH RUBAH ATAU SERIGALA



SUMBER : <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/2639-al-kafi-830-hukum-menyentuh-rubah-atau-serigala>



PEMBAHAGIAN AIR

Air sangat penting dalam kehidupan sehari-hari manusia kerana kegunaannya yang pelbagai. Antara kegunaan air adalah untuk menyucikan badan, pakaian, alatan dan sebagainya.

Air boleh dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu air yang suci dan menyucikan, suci dan menyucikan tetapi makruh menggunakannya, suci tetapi tidak menyucikan dan air yang bernajis.



Rajah menunjukkan pembahagian jenis air yang terbahagi kepada empat bahagian.

01

BERSUCI

PEMBAHAGIAN AIR

01

AIR YANG SUCI DAN MENYUCIKAN

Air yang suci dan menyucikan adalah **air mutlak** yang kekal dengan sifat asalnya yang telah diciptakan Allah SWT. Air mutlak terdiri daripada tujuh jenis air iaitu air hujan, air sungai, air laut, air mata air, air telaga, air embun dan air salji.

02

AIR YANG SUCI DAN MENYUCIKAN TETAPI MAKRUH MENGGUNAKANNYA

Air suci dan menyucikan tetapi makruh menggunakannya adalah air yang panas terkena cahaya matahari (*musyammas*). Air ini adalah air yang terjemur di bawah sinaran panas matahari dalam bekas yang berkarat. Hukum penggunaan air ini adalah makruh kerana boleh mendatangkan penyakit sopak, kecuali apabila air itu telah sejuk semula.



01

BERSUCI

PEMBAHAGIAN AIR

03

AIR YANG SUCI TETAPI TIDAK MENYUCIKAN

Air ini adalah air yang telah digunakan untuk mengangkat hadas sama ada hadas kecil atau hadas besar. Air ini ditadah semasa menyucikan hadas dan ianya tidak sampai dua qullah, maka ianya dikira mustakmal dan tidak boleh digunakan untuk bersuci.

04

AIR YANG TIDAK SUCI DAN TIDAK MENYUCIKAN



Air ini dinamakan air *mutanajis* iaitu air yang kurang daripada 2 qullah dimasuki najis sama ada air berubah atau tidak. Begitu juga sekiranya air yang lebih daripada 2 qullah dimasuki najis lalu berubah rasa, bau atau warnanya, maka air itu tidak boleh digunakan untuk bersuci atau minum.

*Hasil
Pembelajaran*

1. Pelajar dapat menjelaskan definisi dan fardu wuduk.
2. Pelajar dapat menghuraikan perkara sunat, makruf dan membatalkan wuduk.

PENULIS :
Siti Noryanie binti Yusoff

DEFINISI WUDUK

Wuduk bermaksud membasuh anggota badan tertentu dengan menggunakan air dan dimulai dengan niat.

FARDU WUDUK

01

BERNIAT

"Sengaja aku berwuduk semata-mata kerana Allah Taala".

"Sengaja aku mengangkat hadas kecil semata-mata kerana Allah Taala".

02

MEMBASUH MUKA

Sempadan muka yang wajib dibasuh dari tempat tumbuh rambut di atas kepala sehingga penghujung tempat tumbuh janggut, dari anak telinga kanan ke kiri. Wajib juga menyampaikan air ke seluruh tempat dan bulu termasuk bulu mata, misai, janggut dan sebagainya. Sunat melebihkan had basuhan ke atas kepala, telinga dan bawah dagu.

03

MEMBASUH KEDUA BELAH TANGAN SEHINGGA SIKU

Firman Allah SWT :

وَأَيْدِيهِ كُمٌ إِلَى الْمَرَاقِقِ

Maksudnya : "...dan kedua belah tangan kamu meliputi siku..."

(Surah al-Maidah : 6)

Wajib meratakan basuhan kesemua bulu dan kulit. Jika terdapat kotoran atau cincin yang menghalang air sampai ke kulit, maka wuduk tidak sah.

02

WUDUK

04

**MENYAPU SEBAHAGIAN DARIPADA KEPALA
WALAU PUN SEHELAI RAMBUT SELAGI RAMBUT
TERSEBUT BERADA DI KAWASAN KEPALA.**

Firman Allah SWT :

وَامْسِحُوا بِرُءُوسِكُمْ

Maksudnya : ...dan sapulah sebahagian dari kepala kamu...

(Surah al-Maidah : 6)

05

**MEMBASUH DUA BELAH KAKI SEHINGGA BUKU
LALI.**

Firman Allah SWT :

وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ

Maksudnya : "...dan basuhlah kedua belah kaki kamu meliputi buku lali..."

(Surah al-Maidah : 6)

06

TERTIB

Tertib adalah melaksanakan rukun mengikut urutan seperti yang dinyatakan di atas.

PERKARA SUNAT WUDUK

Perkara-perkara sunat ketika berwuduk :

- i. Menyebut nama Allah SWT pada permulaan wuduk.
- ii. Menghadap kiblat.
- iii. Bersugi.
- iv. Membasuh kedua-dua tangan sehingga pergelangan tangan dan celah-celah jari.
- v. Berkumur-kumur dan memasukkan air ke dalam hidung dan menghembuskannya keluar.
- vi. Mendahulukan anggota kanan daripada kiri.
- vii. Menyelati janggut yang tebal ketika membasuh muka.
- viii. Menyapu seluruh kepala dan kedua telinga.
- ix. Menyelati celah-celah jari kedua-dua belah kaki.
- x. Mengulangi basuhan sebanyak tiga kali.
- xi. Menjimatkan air.
- xii. Membasuh anggota wuduk melebihi sedikit daripada hadnya.
- xiii. Menggosok-gosok anggota wuduk.
- xiv. Berturut-turut.
- xv. Tidak bercakap ketika berwuduk.
- xvi. Membaca doa



PERKARA SUNAT WUDUK

DOA SELEPAS WUDUK :

أشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له. وأشهد أن محمداً عبده ورسوله. اللهم اجعلني من التوابين واجعلني من المتطهرين واجعلني من عبادك الصالحين.

Maksudnya : "Aku bersaksi tiada Tuhan melainkan Allah Yang Maha Esa, tiada sekutu bagiNya. Aku bersaksi juga bahawa Nabi Muhammad itu hamba dan utusanNya. Ya Allah, jadikan aku daripada golongan orang yang bertaubat kepadaMu. Dan jadikanlah aku daripada golongan orang yang bersih. Dan jadikan aku daripada golongan hambaMu yang soleh"

PERKARA BATAL WUDUK

Perkara-perkara yang membatalkan berwuduk :

- i. Semua yang keluar daripada qubul dan dubur seperti kencing, tahi, darah, kentut dan lain-lain.
- ii. Tidur yang tidak tetap kedudukannya pada tempat duduk. Tidak batal wuduk sekiranya tidur dalam keadaan punggung bertaup rapat dengan lantai.
- iii. Hilang akal disebabkan mabuk, pitam, sakit atau gila.
- iv. Menyentuh kemaluan manusia. Menyentuh kemaluan diri sendiri atau orang lain, sama ada qubul atau dubur dengan tapak tangan dan perut-perut jari tanpa berlapik.
- v. Bersentuhan kulit lelaki dengan perempuan yang halal bernikah dan telah mempunyai nafsu syahwat tanpa berlapik.



AMBIL TAHU

Hukum krim pelembab terdapat pada anggota wuduk

| الكافي للفتاوى | 265
Al-Kafi lii al-Fatwa

Nabi ﷺ bersabda :

“Seorang lelaki berwuduk’ dan telah tertinggal basuhan pada kuku kakinya yang dilihat oleh Rasulullah ﷺ, lalu Baginda bersabda: Ulanglah semula dan berwuduklah dengan sempurna. Lalu dia terus mengulanginya dengan sempurna dan mendirikan solat.”

(Riwayat Muslim : 243)

SYARAT SAH WUDUK

- Tiada sesuatu yang menghalang air daripada sampai ke kulit.
- Tiada sesuatu pada anggota wuduk yang mengubah air untuk sampai kepada anggota wuduk.



Sahibus Samahah
Dato' Seri Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri
menyimpulkan:

“Jika terdapat pada anggota wuduk suatu bahan kosmetik yang menghalang air wuduk daripada sampai ke kulit, atau yang mengubah air wuduk itu, maka wajib ditanggalkan dengan sempurna sebelum berwuduk.”

SUMBER: AL-KAFI #1080 | HUKUM ANGGOTA WUDUK TERDAPAT PELEMBAB DAN KRIM PELINDUNG MATAHARI

f Mufti Wilayah Persekutuan @drzul_albakri @drzulkifli.albakri Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan www.muftiwp.gov.my



SUMBER : <https://muftiwp.gov.my>



PERKARA MAKRUH WUDUK

Perkara-perkara makruh ketika berwuduk :

- i. Berlebih-lebih dalam menggunakan air.
- ii. Melebihi basuhan daripada tiga kali.
- iii. Mendahulukan anggota kiri daripada kanan.
- iv. Bercakap ketika berwuduk.
- v. Mengelap anggota wuduk dengan tuala kecuali keuzuran kerana sangat sejuk atau panas yang menyakitkan sekiranya air masih ada pada anggota.
- vi. Menyimbah air ke muka kerana perbuatan tersebut bertentangan dengan kemuliaan muka.
- vii. Meminta bantuan orang lain membasuh anggota wuduk tanpa keuzuran kerana perbuatan tersebut melambangkan takbur yang berlawanan sifat kehambaan.
- viii. Melampau dalam berkumur dan memasukkan air ke dalam hidung bagi orang yang berpuasa, dikhuatiri air tersebut akan sampai ke halkum menyebabkan puasanya terbatal.





AMBIL TAHU

Mengambil wuduk dengan memakai cincin

الكافي لفتاوي
Al-Kafi li'l al-Fatwa | 374

Rasulullah ﷺ bersabda :

“Barangsiapa yang mengambil wuduk dan menyempurnakan wuduknya dengan sebaik-baiknya, maka keluarkan dosa-dosa daripada jasadnya sehingga keluar juga daripada celdhan kuku-kukunya.”

[riwayat Muslim: (1/216)]

Cara mengambil wuduk dengan memakai cincin :

- Jumhur fuqaha' berpendapat, jika cincin tersebut ketat, maka wajib menggerakkan cincin ketika membasuh tangan untuk berwuduk. Sekiranya cincin itu longgar, maka tidak wajib, bahkan sunat untuk menggerakkan cincin tersebut.



Sahibus Samahati
Dato' Seri Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri
menyimpulkan:



“ Kami menggalakkan mereka yang memakai cincin longgar untuk menggerakkan juga cincin tersebut bagi memastikan air benar-benar sampai ke permukaan kulit. ”

SUMBER: AL-KAFI #1272 | HUKUM MENGAMBIL WUDUK DENGAN MEMAKAI CINCIN
Mufti Wilayah Persekutuan [@drzul_albakri](https://www.muftiwp.gov.my) [@drzulkifli.albakri](https://www.muftiwp.gov.my) Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan www.muftiwp.gov.my

SUMBER : <https://muftiwp.gov.my>



03

MANDI DAN HUKUM-HAKAMNYA

**Hasil
Pembelajaran**

1. Pelajar dapat menjelaskan kategori mandi dalam Islam dan hikmah pelaksanaan mandi.
2. Pelajar dapat menghuraikan rukun mandi wajib dan perkara sunat dilakukan semasa pelaksanaannya.

PENULIS :
Siti Noryanie binti Yusoff

DEFINISI MANDI

Mandi menurut bahasa ialah mengalirkan air ke atas apa-apa sahaja. Mandi dari sudut syara' adalah mengalirkan air ke atas badan dengan niat tertentu.

Dalam Islam, mandi terbahagi kepada 3 peringkat iaitu :

01

MANDI BIASA iaitu mandi yang dilakukan setiap hari.

02

MANDI SUNAT iaitu mandi yang dilakukan kerana sesuatu hajat seperti mandi sebelum melaksanakan solat jumaat atau solat sunat hari raya dan sebagainya.

03

MANDI WAJIB ialah membersihkan seluruh anggota tubuh dan meratakan air keseluruh kulit dan bulu disebabkan hadas besar atau mati.

HIKMAH MANDI

Antara hikmah mandi adalah :

- i. Mengembalikan kecergasan dan kesegaran badan.
- ii. Mengembalikan tenaga yang hilang kerana melakukan sesuatu perkerjaan atau berjurnub.
- iii. Menjaga kesihatan dan kebersihan diri serta mengelak daripada penyakit.
- iv. Menghilangkan bau busuk badan supaya tidak mengganggu orang lain ketika solat atau dalam pergaulan.

PERKARA WAJIB MANDI

Perkara yang mewajibkan mandi adalah:

- i. Mati.
- ii. Haid.
- iii. Nifas (darah yang keluar selepas bersalin)
- iv. Wiladah (darah yang keluar semasa bersalin)
- v. Keluar mani.
- vi. Bersetubuh.

RUKUN MANDI WAJIB

Rukun mandi wajib adalah :



01

NIAT

Lafaz niat : “Aku berniat mengangkat hadas besar kerana Allah Taala”.

02

MEMBASUH SELURUH ANGGOTA BADAN YANG ZAHIR

Wajib meratakan air ke seluruh anggota badan termasuk rambut, semua bulu yang ada pada anggota, kulit telinga yang di sebelah luar, kemaluan perempuan yang zahir pada masa dia duduk membuang air kecil dan kemaluan lelaki dan perempuan yang sebelah belakang yang zahir.

PERKARA SUNAT MANDI

Perkara-perkara sunat dilakukan ketika mandi :

- i. Membasuh kedua-dua tangan.
- ii. Membasuh kemaluan.
- iii. Membaca "Bismillah" sebelum mandi.
- iv. Berwuduk.
- v. Menyelati rambut kepala dengan air.
- vi. Membasuh anggota sebelah kanan kemudian kiri.
- vii. Menggosok seluruh tubuh dengan tangan.
- viii. Membasuh anggota yang berlipat seperti kedua-dua telinga, lipatan perut, pusat dan ketiak.

JENIS-JENIS MANDI

Jenis-jenis mandi sunat :

- i. Mandi sebelum solat Jumaat.
- ii. Mandi Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha.
- iii. Mandi selepas berbekam.
- iv. Mandi sesudah memandikan mayat.
- v. Mandi sebelum ihram.
- vi. Mandi orang kafir yang baru masuk Islam.
- vii. Mandi selepas sembuh daripada penyakit gila.
- viii. Mandi ketika hendak memasuki kota Makkah.
- ix. Mandi ketika hendak wuquf.



*Hasil
Pembelajaran*

1. Pelajar dapat menjelaskan pelaksanaan tayammum mengikut syarak.
2. Pelajar dapat menghuraikan syarat untuk melaksanakan tayammum.

PENULIS :
Siti Noryanie binti Yusoff

DEFINISI TAYAMUM

Tayamum ialah menyapu debu tanah ke muka dan kedua-dua belah tangan dengan syarat-syarat tertentu.

SYARAT TAYAMUM

- i. Ketiadaan air
- ii. Semasa musafir dan diyakini benar-benar tiada air setelah mencarinya. Sekiranya diyakini untuk ke tempat mencari air menyebabkan habis waktu solat atau mungkin air yang dijual mahal, maka bolehlah bertayamum.
- iii. Keuzuran kerana sakit
- iv. Tidak boleh menggunakan air kerana boleh memudaratkan atau menyebabkan penyakit lambat sembah.
- v. Air diperlukan untuk keperluan yang lebih penting
- vi. Air yang ada cukup untuk minum atau keperluan binatang yang dihormati.
- vii. Dilaksanakan apabila masuk waktu solat
- viii. Tayamum dilakukan apabila masuk waktu solat. Tidak boleh melakukan tayumum sebelum masuk waktu solat kerana tayamum adalah darurat.
- ix. Mengetahui arah kiblat sebelum bertayamum
- x. Hendaklah mengetahui arah kiblat yang sebenar sebelum melakukan tayamum.
- xi. Debu tanah yang suci

04

TAYAMUM

RUKUN TAYAMUM

01

NIAT

“Saya bertayamum untuk mengharuskan solat semata-mata kerana Allah Taala”

Berniat semasa hendak memindahkan debu ke muka atau semasa menepuk debu tersebut.

02

MENYAPU DEBU TANAH KE SELURUH MUKA

03

MENYAPU SELURUH TANGAN SAMPAI KE SIKU

Menyapu debu tanah yang lain selain daripada yang disapu ke muka sehingga ke siku.

04

TERTIB

JOM TONTON 

PANDUAN SOLAT UNTUK PESAKIT : TAYAMMUM



<https://www.youtube.com/watch?v=m45blSlzRg>



PERKARA SUNAT TAYAMUM

Perkara-perkara sunat dilakukan ketika tayammum :

- i. Membaca basmallah pada permulaan tayammum.
- ii. Membaca doa semasa menyapu muka dan tangan sebagaimana dalam wuduk.
- iii. Menghadap kiblat.
- iv. Melebihkan sapuan.
- v. Tidak mengangkat tangan sebelum selesai sapuan.
- vi. Berturut-turut.
- vii. Mendahulukan tangan kanan daripada tangan kiri.
- viii. Menjarangkan jari kedua tangan semasa meletakkan tapak tangan pada debu tanah.

PERKARA SUNAT TAYAMUM

Perkara-perkara yang membatalkan tayammum :

- i. Setiap perkara yang membatalkan wuduk akan membatalkan tayammum.
- ii. Murtad
- iii. Mendapat air sebelum solat. Sekiranya mendapati air sebelum solat, maka perlulah menggunakan air untuk berwuduk, tetapi jika mendapati air selepas solat, tidak wajib mengulangi solat tersebut.



Hasil Pembelajaran

1. Pelajar dapat menjelaskan kewajipan solat dengan pelaksanaan yang betul.
2. Pelajar dapat menghuraikan syarat wajib dan syarat sah solat.
3. Pelajar dapat membezakan sunat hai'ah dan sunat ab'dad.

PENULIS :
Mek Zah Binti Che Ahmad

DEFINISI SOLAT

Takrif solat dari segi **bahasa** bermaksud doa atau mengemukakan permohonan iaitu memohon dan meminta segala perkara baik, yang bermanfaat serta penghindaran dan perlindungan dari sebarang musibah dan mala petaka.

Solat menurut **syarak** ialah perkataan dan perbuatan yang dimulai dengan takbiratulihram (lafaz Allahu Akhbar) dan disudahi dengan salam, dengan syarat-syaratnya yang tertentu. Sebaik baik solat adalah perlu dipersembahkan serta dihiasi dengan amalan –amalan sunat. Kesannya jika dilaksanakan dengan teratur, solat mampu mendidik pelakunya mengamalkan kehidupan yang teratur dan sistematik.

Firman Allah SWT dalam surah at-Taubah, ayat 103 :

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيْهُمْ إِنَّ
صَلَاتَكَ سَكُنٌ لَّهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلَيْهِمْ {103}

Maksudnya : “Dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu menjadi ketenteraman bagi mereka”

Firman Allah Taala dalam surah al-Baqarah yang bermaksud : “Sesungguhnya orang yang beriman dan beramal soleh dan mengerjakan solat serta memberikan zakat, mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka dan tidak ada keimbangan (dari berlakunya sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka dan mereka pula tidak akan berdukacita.”



DEFINISI SOLAT

Allah SWT telah menyamakan perbuatan beriman dan perbuatan soleh dengan mendirikan solat. Pensyariatan solat adalah untuk :

- a. Membezakan antara orang Islam dengan orang kafir.
- b. Sebagai tanda bersyukur kepada Allah SWT.
- c. Amalan pertama yang akan dihisab di akhirat.
- d. Solat merupakan anak kunci syurga.
- e. Solat lima waktu juga adalah ejen peluntur kepada dosa-dosa ringan.

Sabda Nabi Muhammad SAW bermaksud:

“Sesiapa orang muslim yang apabila masuk waktu solat fardhu dia berwudhuk dengan sempurna, khusyuk dalam solat dan rukuknya, pasti ia (solat) menjadi kaffarah (penebus dosa) kepada dosa-dosa yang telah dilakukanya selagi ia tidak melakukan dosa-dosa besar. Ia berterusan selama-lamanya.”

(Hadis Riwayat Muslim)

- f. Sebagai jalan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Sabda Nabi Muhammad SAW bermaksud:

Dari Abu Hurairah R.a berkata: Nabi Muhammad SAW bersabda: “Allah Taala berfirman: “Aku menurut sangkaan hambaKu kepadaKu, dan Aku bersamanya apabila ia ingat kepadaKu. Jika ia ingat kepadaKu dalam dirinya maka aku akan mengingatinya dalam diriKu. Jika ia ingat kepadaKu dalam kelompok, maka aku mengingatinya dalam orang-orang yang lebih baik dari kelompok mereka. Jika ia mendekati aku sejengkal maka aku akan mendekatinya sehasta, jika ia mendekati kepadaKu sehasta maka aku akan mendekatinya sedepa. Jika ia datang kepadaKu dengan berjalan maka aku akan datang kepadanya dengan berlari-lari kecil”

(Hadis Riwayat Tarmizi)

HIKMAH SOLAT

Hikmah menunaikan solat :

- i. Menghubungkan kita dengan Allah SWT.
- ii. Mempertingkatkan kesedaran tentang kewujudan Pencipta sekaligus mentaatiNya.
- iii. Hakikatnya melahirkan rasa sabar.
- iv. Membina rasa tenang di jiwa.
- v. Mengurangkan rasa ego dan sompong.
- vi. Meningkatkan rasa keyakinan ketika menghadapi kehidupan yang mencabar.
- vii. Melahirkan sahsiah atau peribadi muslim sejati.
- viii. Mendidik diri untuk taat kepadaNya serta sentiasa merujuk kepada Allah SWT dalam bertindak.
- ix. Mencegah dan menjauhkan diri dari dosa dan maksiat
- x. Mencegah diri dari lalai dan leka dalam perkara yang sia-sia.

BALASAN MENINGGALKAN SOLAT

Dalil meninggalkan solat adalah dosa besar.

Firman Allah SWT dalam surah al-Muddathir ayat 40-43 bermaksud:

“Setelah melihat orang yang bersalah itu, mereka berkata: Mereka ditempatkan ke dalam syurga (yang penuh nikmat), mereka bertanya-tanya tentang tempat tinggal orang yang bersalah. “Apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam neraka Saqar?” Orang yang bersalah itu menjawab: “Kami tidak termasuk dalam kumpulan orang-orang yang mengerjakan solat.”

05

IBADAH SOLAT

SYARAT WAJIB SOLAT

01

Islam

02

Baligh

03

Berakal

Sabda Nabi SAW bermaksud:

“Suruhlah kanak-kanak mengerjakan solat apabila berumur 7 tahun dan apabila sudah sampai 10 tahun maka pukullah (sekiranya tidak solat)”.
(Hadis Riwayat Abu Daud)



SYARAT SAH SOLAT

01

MENGETAHUI MASUKNYA WAKTU SOLAT DENGAN YAKIN

Sekiranya seseorang itu solat tanpa meyakini masuknya waktu, maka solatnya tidak sah walaupun tepat pada waktunya.

02

MENGHADAP KIBLAT

Menghadap kiblat yang dimaksudkan ialah dengan dada sahaja

03

MENUTUP AURAT

Aurat lelaki ialah dari pusat hingga lutut manakala aurat perempuan pula ialah seluruh badan kecuali muka dan dua pergelangan tangan.

04

SUCI DARI NAJIS

Sama ada pada pakaian, anggota badan dan juga tempat sujud

05

SUCI DARI HADAS

Sama ada telah berwuduk dan juga telah mandi hadas




AMBIL TAHU

SYARAT SAH SOLAT



1 Masuk Waktu Solat



2 Mengadap Kiblat



3 Menutup Aurat

Baik dari segi pakaian maupun anggota badan dan juga tempat.



4 Suci Daripada Najis



5 Suci Daripada Hadas

Ertinya telah pun berwuduk dan juga telah mandi hadas.

Sumber: Indahnya Hidup Bersyariat (83)



Jabatan Kemajuan Islam Malaysia - JAKIM



myjakim



SUMBER : [FB Jabatan Kemajuan Islam Malaysia](#)



05

IBADAH SOLAT

RUKUN SOLAT

01

Berdiri tegak sekiranya mampu ketika solat fardu

02

Niat

03

Takbiratul Ihram

04

Membaca Surah al-Fatiyah pada setiap rakaat

05

Rukuk dengan tamakninah

06

Iktidal dengan tamakninah

**07**

Sujud dua kali pada setiap rakaat dengan tamakninah

08

Duduk antara dua sujud dengan tamakninah

09

Duduk tasyahud akhir dengan tamakninah

10

Membaca tasyahud akhir

11

Membaca selawat ke atas Nabi pada tasyahid akhir

12

Membaca salam yang pertama

13

Tertib (mengikut urutan)

RUKUN SOLAT

PEMBAHAGIAN RUKUN SOLAT

(Menurut Mazhab Syafie rukun solat atau fardu solat ada 13 rukun)

RUKUN QALBI	RUKUN QAULI	RUKUN FI'LI
Niat	Takbiratul ihram	Berdiri
	Membaca al- fatihah	Rukuk dan tamakninah
	Tahiyyat akhir	Iktidal dan tamakninah
	Selawat ke atas nabi	Sujud dan tamakninah
	Salam pertama	Duduk antara dua sujud
		Duduk tahiyyat akhir
		Tertib**

JOM TONTON 

SOLAT YANG SEMPURNA MENGIKUT MAZHAB IMAM SHAFIE BAGI LELAKI



<https://www.youtube.com/watch?v=EVas5D7haA8>





AMBIL TAHU

PELBAGAI HUKUM & FATWA

Hukum solat tidak khusyuk

KHUSYUK

- Perbuatan hati yang meliputi perasaan takut, rendah diri, perasaan hina di hadapan Allah yang menzahirkan perbuatan anggota badan seperti tenang di dalam solat, tidak berpaling ke sana-sini, serta menundukkan pandangan ketika solat.

*"Sesungguhnya telah berjayaalah orang-orang yang beriman.
Yang mana mereka itu khusyuk di dalam solat mereka."*

Surah Al-Mu'minun (1-2)

RMSO TADI AKU
SIMPAN DALAM DOMPET
KE DALAM KERETA?
???

Cara-Cara Mendapat Khusyuk Di Dalam Solat:

- Mengingati kematian
- Menghayati makna bacaan di dalam solat
- Tidak tergopoh gapah dalam mengerjakan solat

Sahibus Samahah

Dato' Seri Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri
menyimpulkan:

"Solat yang dilakukan dengan tidak khusyuk tidak membatalkan solat. Namun, tidak khusyuk di dalam solat akan mengurangkan pahala solat."



إرشاد الفتوى
Irsyad al-Fatwa

[f Mufti Wilayah Persekutuan](#) [@drzul_albakri](#) [@drzulkifli.albakri](#) [Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan](#)

PHF#193
SUMBER
<http://muftiwp.gov.my>
IRSYAD AL-FATWA KE-145
HUKUM SOLAT TIDAK KHUSYUK



SUMBER : [FB Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan](#)

PERKARA BATAL SOLAT

Perkara-perkara yang membatalkan solat menurut mazhab Syafi'i :

- i. Berlaku hadas kecil
- ii. Berlaku hadas besar
- iii. Bercakap dengan sengaja walaupun sedikit
- iv. Makan dan minum
- v. Gerakan sebanyak 3 kali berturut-turut, gerakan tersebut juga bukan dari gerakan solat (anggota besar)
- vi. Ketawa dengan kuat
- vii. Murtad
- viii. Menjadi gila
- ix. Berpaling daripada kiblat
- x. Membiarkan aurat terbuka
- xi. Menjadi makmum kepada imam yang tidak sah solat, seperti orang kafir
- xii. Mendahului atau tertinggal dua rukun fi'li daripada imam dengan sengaja
- xiii. Was-was dengan rukun solat, syarat solat atau kaifiat solat sama ada dilakukan atau tidak
- xiv. Berubah niat kepada solat lain
- xv. Ragu sama ada hendak berhenti solat atau sebaliknya
- xvi. Meninggalkan rukun solat dengan sengaja termasuk bacaan
- xvii. Mengulangi rukun fi'li dengan sengaja
- xviii. Sengaja memanjangkan rukun yang pendek, seperti berada dalam l'tidal dalam masa yang sama masa lamanya dengan masa yang diambil dalam bacaan fatihah
- xix. Sengaja memberi salam sebelum sempurna solat.

PERKARA MAKRUH SOLAT

Perkara-perkara yang **makruh** dilakukan ketika solat :

01

Bercekak pinggang

02

Melihat ke kanan atau ke kiri mahupun ke belakang

03

Meludah

04

Memberi isyarat dengan tangan kecuali menunjuk ketika membaca tahiyyat

Menyapu tempat sujud ketika sujud kecuali kalau sangat terpaksa

Menahan lapar dan menahan membuang air yang sedang mendesak

Jika bilal sudah iqamat untuk mengerjakan solat fardu maka tidak boleh (makruh) mengerjakan solat yang lain lagi selain daripada sembahyang fardu itu sahaja.

Membiarkan rambut atau pakaian yang kusut dan tidak teratur

05**06****07****08**

DEFINISI SUNAT AB'ADH DAN SUNAT HAI'AH

SUNAT AB'ADH ialah perkara-perkara sunat yang dilakukan semasa solat yang jika tertinggal untuk melakukannya, disunatkan melakukan sujud sahwu sebagai ganti.

Perkara-perkara Sunat Ab'ad adalah seperti berikut:

- i. Tahiyyat awal
- ii. Bacaan selawat semasa tahiyyat awal
- iii. Duduk tahiyyat
- iv. Doa Qunut
- v. Bacaan selawat semasa membaca doa Qunut
- vi. Bacaan selawat ke atas keluarga Nabi Muhammad SAW semasa bacaan tahiyyat akhir

SUNAT HAI'AH ialah perkara-perkara sunat semasa solat yang jika tertinggal untuk melakukannya, tidak perlu dilakukan sujud sahwu. Perkara-perkara Sunat Haiah ialah:

- i. Mengangkat tangan ketika takbir
- ii. Membaca doa Iftitah
- iii. Membaca Surah Al-Fatihah dan surah dengan suara yang kuat semasa solat Maghrib, Isyak Jumaat dan solat-solat sunat yang disunatkan menguatkan bacaannya.
- iv. Membaca Amin selepas surah Al-fatihah
- v. Membaca mana-mana surah selepas baca al-Fatihah
- vi. Membaca takbir ketika ruku' dan bacaan semasa iktidal.
- vii. Membaca tasbih semasa ruku' dan sujud
- viii. Duduk Iftirasy semasa duduk antara dua sujud dan tahiyyat awal.
- ix. Duduk Tawarruk (iaitu duduk semasa tahiyyat akhir)
- x. Memberi salam yang kedua.

SUJUD SAHWI

Dari **SEGI** bahasa sahwu bermaksud lupa atau lalai akan sesuatu, manakala dari segi **SYARAK** ialah kecacatan solat yang dilakukan seseorang ketika bersolat sama ada disengajakan atau terlupa.

Sujud sahwu dilakukan pada akhir solat sebelum salam dan dilakukan dengan cara sujud sebanyak dua kali sepetimana sujud-sujud di dalam solat.

CARA-CARA MENGERJAKAN SUJUD SAHWI

Dilakukan setelah membaca tahiyyat akhir dan sebelum memberi salam.

01

Sujud sebanyak 2 kali.

02

Bacaan ketika sujud sahwu ialah :

سُبْحَانَ رَبِّنَا مَنْ لَا يَنْامُ وَلَا يَسْهُو

03

Bacaan ketika duduk antara dua sujud dalam sujud sahwu (duduk iftirasy) :

رَبِّنَا مَنْ لَا يَنْامُ وَلَا يَسْهُو أَغْفِرْنَا وَأَنْتَ خَيْرُ الْمُرْسَلِينَ

04

Memberi salam ke kanan dan ke kiri



AMBIL TAHU

SUJUD SAHWI



BACAAN SUJUD SAHWI

سُبْحَانَ مَنْ لَا يَنَامُ وَلَا يَسْهُو

Maksudnya:

Maha suci Allah yang tidak tidur dan tidak lalai.

| Sumber: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan



f Jabatan Kemajuan Islam Malaysia - JAKIM



SUMBER : FB Jabatan Kemajuan Islam Malaysia-JAKIM
<https://www.facebook.com/MyJAKIMmalaysia/posts/sujud-sahwidari-segi-bahasa-sahwi-bermaksud-lupa-atau-lalai-akan-sesuatu-manakal/326917866145857/>



Hasil Pembelajaran

1. Pelajar dapat menjelaskan pelaksanaan solat Jumaat dengan betul.
2. Pelajar dapat membezakan syarat wajib dan syarat sah solat Jumaat.

PENULIS :
Mek Zah Binti Che Ahmad

SOLAT JUMAAT

Solat Jumaat adalah satu kewajipan (fardu ain) yang ditetapkan kepada setiap lelaki Muslim yang dewasa dan cukup syarat-syaratnya. Solat Jumaat dilakukan pada hari Jumaat pada waktu Zuhur sebanyak dua rakaat sahaja. Firman Allah SWT :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا نَوْدِي لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعُوا إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا الْبَيْعَ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya : “Wahai orang yang beriman apabila diserukan azan untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka hendaklah segera kamu mengingati Allah (sembahyang Jumaat) dan meninggalkan jual beli.”

(Surah al-Jumu'ah : 9)

SYARAT WAJIB SOLAT JUMAAT

01

Islam

02

Baligh

03

Berakal

04

Merdeka

05

Lelaki

06

Sihat tubuh badan

07

Bermastautin

SYARAT SAH SOLAT JUMAAT

01

Tempat mendirikan solat Jumaat itu hendaklah di sesuatu tempat yang telah ditetapkan.

02

Mestilah secara berjamaah. Bilangannya tidak kurang daripada 40 orang termasuk imam, mulai dari awal khutbah pertama sehingga selesai solat.

03

Hendaklah didirikan dalam waktu Zuhur.

04

Tidak ada dua solat Jumaat di tempat itu.

05

Hendaklah solat Jumaat itu didahulukan dengan dua khutbah.

FARDHU JUMAAT

01

Dua khutbah sebelum Jumaat. Rukun khutbah ialah:

- Memuji Allah
- Selawat ke atas Nabi SAW
- Wasiat takwa
- Membaca sedikit daripada ayat al-Quran
- Berdoa terhadap orang mukmin (pada khutbah kedua)

02

Hendaklah duduk antara dua khutbah.

03

Melaksanakan solat Jumaat 2 rakaat secara berjemaah.

PERKARA SUNAT HARI JUMAAT**01**

Mandi bagi orang yang hendak pergi menunaikan solat Jumaat dan membersihkan badan daripada segala kotoran.

02

Memotong kuku dan rambut sekiranya panjang, mencabut bulu ketiak, menggunting misai dan mencukur bulu ari-ari.

03

Memakai bau-bauan yang wangi dan memakai pakaian yang bersih dan indah

04

Sunat diam ketika khatib membaca khutbah.

05

Sunat membaca surah al-Kahfi dan surah Yasin pada siang dan malam Jumaat.

06

Memperbanyak doa siang dan malam.

07

Sunat memperbanyak amalan bersedekah.

08

Memperbanyak selawat ke atas Nabi SAW

09

Mendirikan solat sunat Tahiyatul Masjid walaupun imam sedang membaca khutbah.



Hasil Pembelajaran

Pelajar dapat menjelaskan jenis-jenis solat yang dianjurkan secara berjemaah dan solat sunat yang tidak dianjurkan secara berjemaah.

PENULIS :
Mek Zah Binti Che Ahmad

Solat sunat merupakan satu amalan yang sangat digalakkan selain solat sunat Rawatib. Solat sunat boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu solat sunat yang tidak dianjurkan secara berjemaah dan solat sunat yang dianjurkan secara berjemaah.

SOLAT SUNAT YANG TIDAK DIANJURKAN SECARA BERJEMAAH

SOLAT SUNAT RAWATIB

Solat sunat Rawatib adalah solat sunat yang dikerjakan sebelum dan sesudah solat fardu. Semua solat sunat Rawatib mengandungi 22 rakaat antaranya:

- i. Dua rakaat sebelum solat Subuh (sesudah solat Subuh tidak ada sunat ba'diyah).
- ii. Dua rakaat sebelum solat Zuhur, dua atau empat rakaat sesudah solat Zuhur.
- iii. Dua atau empat rakaat sebelum solat Asar (sesudah solat Asar tidak ada sunat ba'diyah).
- iv. Dua rakaat sesudah solat Maghrib.
- v. Dua rakaat sebelum solat Isyak.
- vi. Dua rakaat sesudah solat Isyak.

Dalil Solat Sunat Rawatib

Nabi Muhammad SAW bersabda yang bermaksud:

"Ibnu Umar r.a berkata: Pernah saya sembahyang bersama Rasulullah SAW dua rakaat sebelum Zuhur dan dua rakaat sesudah Zuhur dan dua rakaat sesudah sembahyang Jumaat dan dua rakaat sesudah Isyak"

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Fadhilat Solat Sunat Sebelum Subuh

Nabi Muhammad SAW bersabda yang bermaksud:

“Daripada Aisyah r.a bahawa Nabi SAW telah bersabda: Dua rakaat Fajar (sembahyang sunat yang dikerjakan sebelum Subuh) itu lebih baik daripada dunia dan seisinya”.

(Riwayat Muslim)

Solat-solat tersebut di atas yang dikerjakan sebelum solat fardu dinamakan “Qabliyah” dan yang dikerjakan sesudahnya dinamakan “Ba’diyah”. Cara-cara pelaksanaannya adalah seperti berikut:

- i. Niatnya menurut sembahyang.
- ii. Tiada azan dan iqamat.
- iii. Dikerjakan secara tidak berjemaah.
- iv. Bacaannya tidak dinyaringkan.
- v. Jika lebih daripada dua rakaat, tiap-tiap dua rakaat satu salam.
- vi. Sebaik-baiknya hendaklah berpindah tempat ketika mengerjakan solat sunat ba’diyah daripada tempat solat fardu yang dikerjakan sebelumnya.

SOLAT SUNAT TAHIYAT AL-MASJID

Solat sunat Tahiyat al-Masjid (solat untuk menghormati masjid) ini dilakukan semasa seseorang itu memasuki masjid baik pada hari Jumaat mahupun pada hari-hari lain, pada waktu malam atau siang sebagaimana yang diriwayatkan daripada Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Apabila kamu masuk masjid janganlah kamu duduk sebelum kamu menunaikan solat dua rakaat”.

Maksud lafaz niat solat Tahiyat al-Masjid:

“Sengaja aku solat sunat Tahiyat al-Masjid dua rakaat kerana Allah Taala”.

Apabila duduk dalam masjid sunat beriktikaf. Maksud lafaz niat iktikaf iaitu:

“Sengaja aku iktikaf di dalam masjid ini kerana Allah Taala”.

Sesiapa yang masuk ke masjid ketika khatib sedang berkhutbah hendaklah solat Tahiyat al-Masjid dilakukan dengan ringan iaitu jangan terlalu lama untuk segera dapat mendengar khutbah.

SOLAT SUNAT WITIR

Solat Sunat Witir dilakukan selepas solat Isyak sampai terbit fajar. Ia disebut witir kerana ganjil. Oleh itu bolehlah dikerjakan satu, tiga ataupun sebelas rakaat (sekurang-kurangnya satu rakaat dan sebanyak-banyaknya sebelas rakaat). Apabila dikerjakan sebelas rakaat hendaklah dilakukan dua-dua rakaat dan yang akhirnya satu rakaat. Walau bagaimanapun tentang bacaan selepas al-Fatihah tidaklah menjadi syarat mutlak.

Pada bulan Ramadan, solat Witir ini dikerjakan secara berjemaah dan pada rakaat yang ketiga disunatkan pula membaca doa qunut pada pertengahan bulan iaitu pada malam 15-30 Ramadan.

Maksud lafaz niat solat Witir dua rakaat:

“Sengaja aku solat sunat Witir dua rakaat kerana Allah Taala”.

Maksud lafaz niat solat Witir satu rakaat:

“Sengaja aku solat sunat Witir satu rakaat kerana Allah Taala”.

SOLAT TAHAJUD

Solat Sunat Tahajud ialah solat sunat yang dikerjakan pada waktu malam sekurang-kurangnya dua rakaat dan sebanyak-banyaknya tidak terbatas. Waktunya sesudah solat Isyak sampai terbit fajar (Subuh). Solat pada waktu malam hanya dapat disebut solat Tahajud dengan syarat apabila dilakukan sesudah bangun daripada tidur malam sekalipun tidur itu hanya sebentar. Jika apabila dikerjakan sebelum tidur maka bukan solat sunat Tahajud tetapi solat sunat saja seperti Witir dan sebagainya.

Firman Allah SWT dalam surah al-Muzammil (ayat 1-4) yang bermaksud:

“Wahai orang yang berselimut, bangunlah untuk solat pada malam hari walaupun sedikit daripadanya (iaitu) seperdua atau kurangilah daripada seperdua itu sedikit, atau lebih daripada seperdua itu dan bacalah al_Quran itu dengan perlahan-lahan”.

Maksud lafaz niat solat Tahajud:

“Sengaja aku solat sunat Tahajud dua rakaat kerana Allah Taala”.

Fadilat solat sunat Tahajud:

Solat sunat Tahajud sangat digalakkan sebagaimana firman Allah dalam surah al-Isra' (ayat 97) yang bermaksud:

“Hendaklah engkau gunakan sebahagian waktu malam itu untuk sembahyang Tahajud sebagai sembahyang sunat untuk dirimu, mudah-mudahan Tuhan akan membangkitkan engkau dengan kedudukan yang baik”.

SOLAT DHUHA

Solat Sunat Duha dilakukan apabila matahari telah naik pada waktu pagi sekadar satu galah tingginya iaitu sekitar jam 8.00 pagi hingga gelincir matahari sebelum masuk waktu Zuhur. Dikerjakan dua, empat, enam atau lapan rakaat. Diriwayatkan daipada Sayidina Ali r.a katanya, bahawa Rasulullah SAW bersolat Duha enam rakaat pada dua ketika iaitu ketika terbit matahari dua rakaat dan juga tatkala matahari naik pertengahan sedikit, Baginda melakukan sebanyak empat rakaat.

Maksud lafaz niat solat Duha:

“Sengaja aku solat sunat Duha dua rakaat kerana Allah Taala”.

Fadilat solat sunat Duha:

Sabda Nabi Muhammad SAW yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a yang bermaksud: “Sesiapa yang mengerjakan sembahyang Duha, akan diampunkan dosanya oleh Allah sekalipun dosa itu sebanyak buih lautan”.

SOLAT ISTIKHARAH

Solat sunat Istikhara ialah solat sunat dua rakaat untuk memohon kepada Allah bagi menentukan pilihan yang lebih baik di antara dua perkara yang belum dapat ditentukan baik buruknya, apabila seseorang berhajat dan bercita-cita akan mengerjakan sesuatu maksud sedangkan dia ragu-ragu sama ada diteruskan atau tidak. Maka disunatkan solat sunat Istikhara dua rakaat.

Solat sunat Istikhara dan solat sunat Hajat waktunya lebih utama jika dilakukan seperti solat sunat Tahajud iaitu pada malam hari dan dikerjakan seperti solat biasa.

Maksud lafaz niat solat Istikhara:

“Sengaja aku solat sunat Istikhara dua rakaat kerana Allah Taala”.

SOLAT SUNAT YANG DIANJURKAN SECARA BERJEMAAH

SOLAT SUNAT HARI RAYA

Solat sunat Aidilfitri (1 Syawal) dan solat sunat Aidiladha (10 Zulhijjah) amat dianjurkan (sunat muakkad) dikerjakan beramai-ramai bagi lelaki dan perempuan, bermukim atau musafir di masjid atau di tengah padang. Waktu mengerjakannya ialah antara ketika mula terbit matahari sekadar segalah hingga tergelincirnya matahari.

Rukun, syarat serta sunat sama dengan solat biasa, cuma pada rakaat pertama ada takbir sebanyak 7 kali dan rakaat kedua takbir 5 kali. Diikuti dengan bacaan al-Fatihah, mana-mana surah dan rukun-rukun lain seperti solat biasa. Khutbah pula dibacakan oleh khatib selepas selesai solat iaitu pada khutbah pertama dibaca takbir sembilan kali dan pada khutbah kedua dibaca takbir tujuh kali dan pembacaannya hendaklah berturut-turut. Khutbah Aidilfitri merangkumi penerangan tentang zakat fitrah dan khutbah Aidiladha berisi penerangan tentang ibadah haji dan hukum korban.

Maksud lafaz niat solat sunat Aidilfitri:

“Sengaja aku solat sunat Aidilfitri dua rakaat (imam atau makmum) kerana Allah Taala”.

Maksud lafaz niat solat sunat Aidiladha:

“Sengaja aku solat sunat Aidiladha dua rakaat (imam atau makmum) kerana Allah Taala”.

SOLAT SUNAT YANG DIANJURKAN SECARA BERJEMAAH

SOLAT TARAWIH

Solat Tarawih ialah solat selepas waktu Isyak dalam bulan Ramadan. Solat ini hukumnya sunat muakkad, boleh dikerjakan secara bersendirian atau berjemaah. Di Malaysia solat ini biasanya dikerjakan sebanyak 8 atau 20 rakaat, diikuti dengan solat Witir 3 rakaat, lebih baik dilakukan dengan cara berjemaah.

Maksud lafaz niat solat Tarawih:

“Sengaja aku solat sunat Tarawih dua rakaat (imam atau maknum) kerana Allah taala”.



<https://ohmedia.my/ohislam/hanya-8-rakaat-saja-digalakkan-untuk-solat-tarawih-tahun-ni/>



AMBIL TAHU

Hukum solat tarawih secara bersendirian

| ارشاد الفتووى | 04
Irsyad al-Fatwa

Diriwayatkan daripada Saidatina 'Aisyah RA :

"Bahkan sesungguhnya Rasulullah ﷺ pada suatu malam sedang solat di dalam masjid. Maka orang ramai pun mengikut solat bersama baginda. Kemudian pada malam berikutnya, baginda solat sekali lagi dan jemaah yang mengikutnya semakin banyak. Pada malam yang ketiga atau keempat, orang ramai berkumpul menanti ketibaan Rasulullah ﷺ sebaliknya baginda tidak keluar kepada mereka. Apabila masuk waktu subuh, baginda bersabda kepada para jemaah: Sesungguhnya aku telah melihat apa yang kamu semua lakukan. Dan tidaklah yang menghalang aku dari keluar kepada kamu melainkan aku takut solat itu akan difardhukan ke atas kamu semua. Yang demikian itu berlaku pada bulan Ramadhan."

(Riwayat al-Bukhari)

IMAM AL-NAAWAWI

- Solat tarawih adalah sunnah berdasarkan ijma' para ulama'.
- Imam al-Shafie dan jumhur ashabnya berpendapat bahawa lebih afdhal mendirikan solat tarawih secara berjemaah seperti yang dilakukan oleh Saidina Umar RA.
- Merupakan syiar yang zahir seperti solat sunat hari raya.

SARANAN

- Dbolehkan solat sunat tarawih secara bersendirian. Namun, ianya lebih afdhal dilakukan secara berjemaah bagi meraih ganjaran berlipat kali ganda dalam bulan Ramadhan.



SUMBER : IRSYAD AL-FATWA KHAS RAMADHAN #90 | HUKUM SOLAT TARAWIH SECARA BERSENDIRIAN

www.muftiwp.gov.my Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan pejabatmuftiwp pejabatmuftiwp Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan

SUMBER : FB Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan
<https://ms-my.facebook.com/muftiWilayahPersekutuan/photos/a.2081966825276619/2086066551533313/?type=3&theater>



SOLAT SUNAT KHUSUF DAN KUSUF

Solat Khusufain ialah solat dua gerhana iaitu solat kerana **gerhana bulan atau gerhana matahari**. Solat Khusuf dilakukan kerana gerhana bulan dan solat kusuf dilakukan kerana gerhana matahari. Kedua-dua solat ini hukumnya adalah sunat muakkad.

Waktu melakukan solat gerhana matahari (Kusuf) iaitu daripada timbul gerhana itu sampai matahari kembali sebagaimana biasa atau sampai terbenam. Manakala solat gerhana bulan (Khusuf) pula waktunya mulai daripada terjadinya gerhana itu sampai terbit kembali atau sampai bulan nampak penuh.

Cara Mengerjakan Solat Sunat Khusuf dan Kusuf

- 1) Solat dua rakaat sebagaimana solat biasa boleh dilakukan secara bersendirian tetapi lebih utama dilakukan secara berjemaah.
- 2) Solat dua rakaat dengan 4 kali rukuk dan 4 kali sujud. Pada rakaat pertama sesudah rukuk dan iktidal bacalah surah al-Fatihah lagi, kemudian terus rukuk dan iktidal sekali lagi, kemudian terus sujud sebagaimana biasa.
- 3) Pada rakaat kedua juga dilakukan seperti pada rakaat pertama.
- 4) Bacaan al-Fatihah dan surah dalam solat gerhana bulan (Khusuf) boleh dinyaringkan sedangkan dalam solat gerhana matahari (Kusuf) tidak boleh dinyaringkan. Pada tiap-tiap rakaat disunatkan membaca surah-surah panjang.
- 5) Jika solat gerhana itu dikerjakan seperti solat biasa iaitu dua rakaat dengan dua rukuk hukum solatnya juga adalah sah.

Maksud lafaz niat solat sunat Khusuf (Gerhana Bulan):

“Sengaja aku solat sunat gerhana bulan dua rakaat kerana Allah Taala”.

Maksud lafaz niat solat sunat Kusuf (Gerhana Matahari):

“Sengaja aku solat sunat gerhana matahari dua rakaat kerana Allah Taala”.

JOM TONTON YouTube**RINGKASAN KAIFIYAT SOLAT SUNAT GERHANA MATAHARI
OLEH USTAZ HJ AZIAN BIN MAN**<https://www.youtube.com/watch?v=FO4ihxVGdCE>



AMBIL TAHU

Fenomena Gerhana Bulan Penuh

Pada 26 Mei 2021, Rabu bersamaan 14 Syawal 1442H, Fenomena Gerhana Bulan Penuh akan berlaku.

NOTA RINGKAS GERHANA BULAN PENUH

- Berlaku ketika fasa bulan purnama.
- Bulan, bumi dan matahari berada pada kedudukan yang hampir sejajar.
- Bulan akan berada di kawasan bayang-bayang bumi yang gelap (umbra).
- Warna permukaan bulan akan mengalami perubahan dari warna putih bersinar ke merah-merahan.
- Kesan umbra ini boleh dilihat dengan mata kasar (magnitud 1.009).
- Solat Sunat Khusuf (Gerhana Bulan) disyariatkan untuk fenomena ini.
- Ketika Bulan terbit di ufuk Timur, gerhana sudah berada di fasa kemuncak.
- Bulan berada di kedudukan paling hampir dengan Bumi atau dikenali sebagai Perigee (357,460km).

LOKASI :
KUALA LUMPUR, PUTRAJAYA & LABUAN

FASA GERHANA	MASA	
	KL & PUTRAJAYA	LABUAN
MULA	7:15 pm	7:11 pm
MAKSIMUM	7:18 pm	7:18 pm
TAMAT GERHANA PENUH	7:25 pm	7:25 pm
TAMAT GERHANA	8:52 pm	8:52 pm

Ufuk Timur



Portal rasmi:

www.muftiwp.gov.my

Ikuti kami:

[Facebook](#) [YouTube](#) [Twitter](#) [Instagram](#) Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan [pejabatmuftiwp](https://pejabatmuftiwp.com)

SUMBER : [FB Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan](#)





AMBIL TAHU

Solat Sunat Khusuf



SOLAT SUNAT KHUSUF (GERHANA BULAN)

- Sunat Muakkad. Solat dilakukan dengan dua rakaat.
- Sunat secara bersendirian dan lebih afdal berjemaah.
- Tempoh solat dari bermula gerhana hingga tamat gerhana.

LAFAZ NIAT

أَصَلَّى سُنَّةَ الْخُسُوفِ رَجَعَيْنَ لِلَّهِ تَعَالَى

"Sahaja aku Solat Sunat Gerhana Bulan dua rakaat kerana Allah Taala."

TATACARA SOLAT



- Niat
- Bertakbiratul Ihram
- Berta'aawuz
- أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
- Baca Al-Fatihah
- Baca surah lain



- Ruku' yang panjang



- Bangun dari ruku' (Iktidal)
- Baca Al-Fatihah
- Baca surah lain



- Ruku' yang panjang
- Bangun dari ruku' (Iktidal)



- Sujud yang panjang



- Duduk antara dua sujud



- Sujud yang panjang



- Rakaat ke-2 (seperti rakaat yang pertama)
- Diakhiri dengan tahiyyat akhir dan salam

Portal rasmi:

www.muftiwp.gov.my

Ikuti kami:

[Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan](#) [pejabatmuftiwp](#)

SUMBER : [FB Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan](#)



*Hasil
Pembelajaran*

1. Pelajar dapat menjelaskan cara melaksanakan solat jamak dan qasar dengan baik.
2. Pelajar dapat menerangkan syarat-syarat yang dibenarkan oleh seseorang untuk melakukan solat secara jamak dan qasar.

PENULIS :
Mek Zah Binti Che Ahmad

SOLAT JAMAK DAN QASAR

Pengertian Solat Qasar

Memendekkan solat daripada empat rakaat menjadi dua rakaat. Solat yang boleh dipendekkan menjadi dua rakaat ialah solat Isyak, Zuhur dan Asar.

Syarat-syarat Qasar:

- i. Musafirnya hendaklah tidak bertujuan maksiat.
- ii. Perjalannya hendaklah tidak kurang daripada dua marhalah.
- iii. Solat yang diqasarkan itu hendaklah solat Zuhur, Asar dan Isyak sahaja yang dilaksanakan secara tunai. Tidak dibolehkan qasar solat qada dalam musafir bagi solat yang ditinggalkan semasa di dalam kawasan tempat kediaman.
- iv. Hendaklah diniatkan qasar dalam takbiratulihram.
- v. Maksud lafaz solat qasar bagi solat Zuhur:
- vi. "Sengaja aku solat fardu Zuhur dua rakaat qasar tunai kerana Allah taala".
- vii. Tidak boleh berimam orang yang bersolat "tamam" (sempurna).
- viii. Hendaklah tempat yang dituju itu tertentu jika sekiranya tempat yang dituju itu tidak tentu, maka tidak boleh qasar.
- ix. Berkekalan perjalanan sehingga sempurna solat.
- x. Dia tahu bahawa orang musafir itu harus mengerjakan qasar.

Pengertian Solat Jamak

Mengumpulkan dua solat dalam satu waktu, misalnya mengumpulkan solat Zuhur kepada Asar dan sebaliknya serta fardhu Maghrib dengan Isyak dan sebaliknya.

Solat jamak terbahagi kepada dua iaitu jamak takdim dan jamak ta'khir.

1. Solat Jamak Takdim

Solat Jamak Takdim ialah apabila solat Zuhur dijamakkan dengan Asar pada waktu Zuhur, solat Maghrib dan Isyak pada waktu Maghrib.

2. Solat Jamak Ta'khir

Jamak Ta'khir pula melaksanakan solat Zuhur dan Asar pada waktu Asar, solat Maghrib dan Isyak pada waktu Isyak.

Syarat Jamak Takdim

- i. Dikerjakan dengan tertib iaitu dengan didahulukan dengan solat yang pertama misalnya Zuhur kemudian Asar dan Maghrib dahulu kemudian Isyak.
- ii. Niat jamak pada solat yang pertama pada permulaan takbiratulihram atau di tengah-tengah solat selama mana ia belum memberi salam.
- iii. Berturut-turut antara solat yang pertama dan kedua, antara kedua-duanya tidak boleh diselangi oleh pekerjaan atau perbuatan lain. Sekiranya diselangi pekerjaan lain yang memakan masa selama dua rakaat solat, maka hendaklah solat pada waktunya nanti.
- iv. Sekiranya diselangi oleh iqamat dan mengambil wuduk maka jamaknya tidak batal.
- v. Berkekalan musafirnya sehingga takbir solat yang kedua tetapi tidaklah disyaratkan sehingga selesai solat.

Syarat Jamak Ta'khir

- i. Berniat untuk mentak'hirkan solat yang pertama pada waktu kedua ketika masuk waktu solat pertama.
- ii. Berkekalan musafirnya sehingga selesai kedua-dua solat.

Cara Melakukan Jamak Ta'khir

- i. Apabila masuknya waktu Zuhur atau Maghrib, hendaklah kita memasang niat hendak mengerjakan solat Zuhur pada waktu Asar atau solat Maghrib pada waktu Isyak.
- ii. Solat Jamak Ta'khir tidak disyaratkan tertib (mana yang dahulu, yang mana kemudian). Apabila tiba masa mengerjakan solat jamak ta'khir, bolehlah didahulukan solat Zuhur atau Asar. Jika mendahulukan solat Zuhur kemudian baru mengerjakan solat Asar atau mengerjakan solat Asar terlebih dahulu, kemudian mengerjakan solat Zuhur.
- iii. Begitu juga halnya dengan jamak ta'khir solat Maghrib dan Isyak. Walau bagaimanapun digalakkan supaya mendahulukan solat Asar dan Isyak.

SOLAT JAMAK DAN QASAR

Solat Jamak dan Qasar adalah suatu keringanan yang diberikan oleh Allah kepada hambaNya dalam segenap masa bagi orang musafir sama ada senang atau susah asalkan melebihi dua marhalah.

Para ulama berbeza pandangan dalam menentukan jarak dua marhalah, ada yang menyatakan 48, 56 dan 60 batu untuk mengharuskan seseorang melakukan solat qasar dan jamak sekali (mengumpul solat dan memendekkannya). Walaupun ada khilaf di kalangan ulama dalam penentuan jarak jauhnya, untuk berhati-hati bolehlah dikira dari 60 batu atau bersamaan dengan 100 km.

Seseorang yang ingin mengerjakan solat Jamak dan Qasar boleh melakukan antara salah satu yang berikut:

- i. Menjamakkan dua solat fardu tanpa qasar.
- ii. Menjamakkan dua solat fardu dan qasar.
- iii. Mengqasarkan solat tanpa jamak iaitu mengerjakan solat Zuhur, Asar dan Isyak dengan dua rakaat yang berasingan.

Maksud lafaz niat jamak takdim dan Qasar: Zuhur - Asar

“Sengaja aku solat fardu Zuhur dua rakaat dipendekkan dan dihimpunkan kepadanya Asar tunai kerana Allah taala”.

Maksud lafaz niat jamak ta'khir dan Qasar: Asar - Zuhur

“Sengaja aku solat fardu Asar dua rakaat dipendekkan dan dihimpunkan kepadanya Zuhur tunai kerana Allah taala”.

*Hasil
Pembelajaran*

1. Pelajar dapat menjelaskan pensyariatan puasa dan hikmah pelaksanaannya.
1. Pelajar dapat menerangkan tentang qada' dan fidyah puasa.

PENULIS :
Mek Zah Binti Che Ahmad

PENGERTIAN PUASA

Dari segi **bahasa** bererti menahan diri daripada sesuatu.

Dari segi **syarak** ialah menahan diri daripada perkara-perkara yang membatalkan puasa dari terbit fajar hingga terbenam matahari, dimulakan dengan niat berpuasa kerana mengharapkan keredaan Allah SWT.

DALIL PENSYARIATAN PUASA

Berpuasa pada bulan Ramadan hukumnya wajib (fardu ain) kepada seluruh umat Islam yang telah akil baligh sebagai salah satu daipada rukun Islam yang kelima berdasarkan al-Quran, al-hadis dan ijmak ulama. Sesiapa yang sengaja meninggalkan puasa bulan Ramadan, wajiblah atasnya qada dan kifarat. Manakala bagi sesiapa yang meninggalkannya kerana uzur hanya diwajibkan qada saja dan tidak perlu kifarat.

Puasa Ramadan mula difardukan pada hari Isnin dua haribulan Syaaban tahun kedua Hijrah. Firman Allah dalam Surah al-Baqarah ayat 185 yang bermaksud: “Pada bulan Ramadan, diturunkan al-Quran yang menjadi petunjuk bagi manusia dan penjelasan daripada hidayah serta pembeza antara yang hak dan yang batil maka sesiapa yang melihat bulan Ramadan hendaklah ia berpuasa.”

Sabda Nabi SAW yang bermaksud: “Diasaskan Islam atas lima dasar iaitu mengaku bahawa tiada Tuhan selain Allah dan bahawa Muhammad SAW utusan Allah, mendirikan solat, membayar zakat, haji dan berpuasa pada bulan Ramadan.”

HIKMAH PUASA

- i. Puasa itu dapat melahirkan perasaan ingin tolong-menolong antara satu sama lain, kasih sayang terhadap fakir miskin, anak-anak yatim dan orang yang melarat hidupnya serta menginsafi akan kesusahan mereka yang menderita kelaparan.
- ii. Berpuasa menimbulkan keinsafan dan perasaan bertimbang rasa serta kasih-mengasihi sesama umat Islam.
- iii. Umat Islam di seluruh pelusuk dunia serentak mengerjakan puasa dalam satu masa tertentu apabila tibanya Ramadan. Kesatuan hati dan niat tulus ikhlas ini dilakukan semata-mata untuk mengabdikan diri terhadap Allah SWT.
- iv. Melahirkan jiwa insan yang selalu taat kepada Allah serta akan lahir pula ketenangan jiwa dan ketakwaan.
- v. Dari segi kesihatan, perut yang melalui proses berpuasa dapat dibersihkan, sekali gus beberapa penyakit yang terdapat di dalam tubuh badan manusia dapat diatasi.
- vi. Puasa itu disifatkan oleh Rasulullah SAW sebagai separuh daripada kesabaran.
- vii. Orang yang berpuasa lebih disayangi Allah, selamat daripada api neraka dan menghapuskan dosa-dosa kecil.
- viii. Puasa itu melatih diri supaya bersifat amanah.
- ix. Puasa itu menyihatkan badan dan melatih diri supaya hidup berdisiplin.
- x. Puasa itu adalah sebagai tanda syukur dan terima kasih kepada Allah SWT kerana telah memberikan nikmat yang tidak terhingga.
- xi. Menguatkan iman kepada Allah kerana iman kepadaNya menyebabkan kita menahan diri daripada segala keinginan syahwat pada siang hari dalam bulan Ramadan.
- xii. Mendidik jiwa mentaati segala suruhan Allah SWT.

09

PUASA

SYARAT WAJIB PUASA

01

Islam

03

Berakal

05

Bermukim

02

Baligh

04

Sihat
tubuh
badan

06

Suci dari
hadas
besar

SYARAT SAH PUASA

01

Islam

03

Suci daripada
haid dan nifas

02

Berakal dan
mumayyiz

04

Apabila nyata
masuknya bulan
Ramadan

RUKUN PUASA

1. Berniat pada malam hari untuk mengerjakan puasa pada esok harinya.
2. Menahan diri daripada perkara-perkara yang membatalkan puasa mulai dari terbit fajar hingga terbenam matahari.

PERKARA BATAL PUASA

Perkara-perkara yang membatalkan puasa ialah :

- 01 Berniat berbuka puasa
- 02 Muntah dengan sengaja
- 03 Keluar darah haid dan nifas
- 04 Hilang akal sebab gila atau mabuk
- 05 Murtad (keluar daripada Islam)
- 06 Bersalin
- 07 Bersetubuh / mengeluarkan mani dengan sengaja pada siang hari
- 08 Makan atau minum dengan sengaja meskipun sedikit
- 09 Memasukkan dengan sengaja sesuatu benda ke dalam rongga yang terbuka seperti hidung, telinga dan mulut

PERKARA SUNAT PUASA

Perkara-perkara sunat puasa ialah :

- 01** Menyegerakan berbuka puasa
- 02** Membaca doa ketika hendak berbuka puasa
- 03** Melambatkan bersahur kerana ada padanya keberkatan
- 04** Mandi junub lebih awal sebelum masuk waktu Subuh
- 05** Memperbanyakkan membaca al-Quran, berzikir, berselawat dan membuat amal kebajikan
- 06** Bersedekah kepada fakir miskin dan anak-anak yang kurang bernasib baik
- 07** Menjauhkan percakapan yang sia-sia dan perbuatan yang tidak membawa manfaat
- 08** Berbuka puasa dengan buah tamar atau juadah manis



PERKARA MAKRUH PUASA

Perkara-perkara makruh dilakukan ketika berpuasa ialah :

- i. Berkumur-kumur dan menggosok gigi setelah gelincir matahari.
- ii. Memasukkan air ke dalam hidung secara berlebih-lebihan.
- iii. Mengeluarkan kata-kata yang kotor dan sia-sia.
- iv. Memandang dan mencium bunga atau bau-bauan.
- v. Berbekam jika berbekam itu melemahkan badan.
- vi. Merasa makanan dengan lidah.
- vii. Mengunyah benda keras yang tidak boleh hancur seperti getah dan sebagainya.

HARI YANG DILARANG BERPUASA

01

Pada hari syak

(hari yang diragui antara 30 haribulan Syaaban atau sudah masuk 1 haribulan Ramadan)

02

Pada 3 hari Tasyriq

(11, 12 dan 13 Zulhijjah)

03

Hari Raya Aidiladha

(10 Zulhijjah)

04

Hari Raya Aidilfitri

(1 Syawal)

ADAB-ADAB BERPUASA

Antara adab-adab ketika berpuasa ialah :

- i. Menjauhkan diri daripada perkara-perkara maksiat seperti mengumpat, mencela, memfitnah, mengeji serta mengeluarkan kata-kata kesat.
- ii. Menjauhkan diri daripada segala perkara yang boleh membatalkan puasa.
- iii. Bersederhana ketika berbuka dan bersahur.
- iv. Mengurangkan tidur terutama pada waktu siang.
- v. Menahan diri daripada mengikut kehendak nafsu.
- vi. Hendaklah sentiasa melakukan perkara-perkara yang baik seperti membaca al-Quran dan berzikir.
- vii. Berazam untuk menjadikan ibadat puasa yang dilakukan itu merupakan sebaik-baik ibadat dan mendapat ganjaran Allah SWT.

GOLONGAN YANG DIBENARKAN MENINGGALKAN PUASA

- i. Orang yang hilang daya upaya untuk berpuasa
- ii. Orang musafir dalam perjalanan yang membolehkan qasar solat.
- iii. Orang yang terlalu tua dan amat lemah untuk berpuasa.
- iv. Orang yang tersangat lapar dan dahaga sehingga kalau diteruskan akan mendatangkan mudarat umpamanya ia bekerja berat di tengah panas atau sebagainya.
- v. Perempuan hamil atau perempuan menyusukan anaknya yang apabila berpuasa boleh memudaratkan diri sendiri atau anak yang disusui itu.

QADA DAN FIDYAH PUASA

QADA PUASA

Hukum qada puasa atau menggantikan puasa Ramadan ini perlu dibuat mengikut bilangan hari yang telah ditinggalkan.

GOLONGAN YANG WAJIB QADA PUASA IALAH:

- 01** Orang sakit yang ada harapan sembah.
- 02** Orang yang kedatangan haid dan nifas.
- 03** Orang yang bermusafir (bukan kerana maksiat) melebihi dua marhalah
- 04** Orang yang pitam/mabuk sewaktu bulan Ramadan.
- 05** Orang yang meninggalkan niat puasa.
- 06** Orang yang sangat lapar dan dahaga yang tidak membolehkannya berpuasa Ramadan.
- 07** Orang yang sengaja melakukan perkara-perkara yang membatalkan puasa.

QADA DAN FIDYAH PUASA

FIDYAH PUASA

Fidyah puasa ialah amalan memberikan sedekah kepada fakir miskin dengan secupak beras bagi sehari berbuka puasa mengikut syarat-syaratnya. Mereka yang dikenakan membayar fidyah puasa antaranya termasuklah:

- i. Mereka yang tidak dapat mengada puasa sehingga masuk Ramadan kali kedua (fidyahnya satu cupak beras untuk setiap hari yang ditinggalkan di samping mengada puasa) bagi setahun tertinggal. Kalau tidak diqada sehingga melampaui dua tahun maka dikenakan dua cupak tetapi puasa tetap juga 1 hari (tiada tambahan).
- ii. Orang sakit yang tidak ada harapan sembah.
- iii. Orang yang terlalu tua dan tidak terdaya berpuasa.
- iv. Orang yang ada qada puasa tetapi meninggal dunia sebelum sempat berbuat demikian. Fidyah dibuat oleh kerabat si mati atau diambil daripada harta pusakanya.
- v. Perempuan yang mengandung dan perempuan yang menyusukan anaknya perlu mengada puasa dan membayar fidyah secupak beras bagi setiap hari yang ditinggalkan sekiranya dia meninggalkan puasa kerana bimbangkan anaknya tetapi sekiranya dia takut mudarat pada dirinya dia hanya wajib mengada puasanya.

QADA DAN FIDYAH PUASA

KIFARAT BERSETUBUH DI BULAN RAMADAN

Orang yang bersetubuh pada siang hari bulan Ramadan, maka kedua-dua suami isteri tersebut perlu mengqada puasa berkenaan dan suami wajib membayar kifarat (denda) seperti berikut:

1. Memerdekan seorang hamba Mukmin lelaki atau perempuan, sekiranya tidak mampu,
2. Berpuasa dua bulan berturut-turut tanpa terputus, sekiranya tidak mampu,
3. Memberi makan kepada 60 orang fakir / miskin.
4. Bagaimanapun jika persetubuhan itu dilakukan kerana terlupa, jahil tentang haramnya atau dipaksa ke atasnya tidaklah wajib kifarat.

JOM TONTON YouTube

AL-FALAH DI BULAN RAMADAN - PROF. MADYA DR. MOHD SUKKI OTHMAN



<https://www.youtube.com/watch?v=0QK1A6Fm1-g>



AMBIL TAHU

Perlukah memperbaharui niat puasa setiap malam?

| ارشاد الفتوى | 02
Irsyad al-Fatwa

Niat puasa harian:

نَوْيُتْ صَوْمَةً غَدِّ عَنْ أَدَاءِ فَرْضِ رَمَضَانَ هَذِهِ السَّنَةِ لِلَّهِ تَعَالَى

"Sahaja aku puasa esok hari pada bulan Ramadan tahun ini kerana Allah Ta'ala."

Niat puasa sebulan:

نَوْيُتْ صَوْمَةً شَهْرِ رَمَضَانَ كُلِّهِ لِلَّهِ تَعَالَى

"Sahaja aku berpuasa keseluruhan pada bulan Ramadan tahun ini kerana Allah Ta'ala."

MAZHAB AL-SYAFI'IE

- Wajib berniat puasa pada setiap malam Ramadan kerana ia adalah ibadah yang bersendiri (*mustaqil*) yang tidak terikat antara satu sama lain.

MAZHAB AL-MALIKI

- Seseorang itu diharuskan niat puasa sebulan pada malam Ramadan yang pertama dan tidak wajib berniat setiap malam.

PANDANGAN SEBAHAGIAN ULAMA MAZHAB SYAFI'IE

- Boleh berpegang pada pendapat mazhab Maliki dalam hal ini sebagai langkah berjaga-jaga dan dalam masa yang sama tetap wajib berniat pada setiap malam Ramadan.

ESOK DAH
MULA PUASA...
MALAM NI
ADIK JANGAN
LUPA NIAT
PUASA YA...

OK ABI



SUMBER: IRSYAD AL-FATWA KHAS RAMADHAN #74 | NIAT PUASA SETIAP MALAM ATAU NIAT 30 HARI SEKALIGUS?

 www.muftiwp.gov.my |  Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan |  pejabatmuftiwp |  pejabatmuftiwp |  Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan | 

SUMBER : FB Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan

**Hasil
Pembelajaran**

1. Pelajar dapat menguraikan proses pertunangan yang dianjurkan oleh Islam.
2. Pelajar dapat menjelaskan hukum syarak tentang pertunangan.
3. Pelajar dapat menyenaraikan golongan wanita yang haram dikahwini.

PENULIS :
Masitah Binti Mohd Ali

DEFINISI PERTUNANGAN

Pertunangan adalah permulaan kepada perkahwinan iaitu melamar wanita untuk dijadikan bakal isteri atau meminta persetujuan daripada pihak wanita untuk menjadi bakal isteri kepada bakal lelaki tersebut. Pertunangan dalam Bahasa Arab, di sebut sebagai “**al-Khitbah**” yang membawa maksud meminta seorang lelaki kepada seorang perempuan untuk menikah dengannya.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah, ayat 235 :

وَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ فِيمَا عَرَضْتُمْ بِهِ مِنْ خِطْبَةٍ أَنْ كُنْتُمْ
 فِي أَنفُسِكُمْ عِلْمًا اللَّهُ أَنَّكُمْ سَتَذَكَّرُونَهُنَّ وَلَكِنَ لَا تُوَاعِدُوهُنَّ
 سِرًا إِلَّا أَنْ تَقُولُوا قَوْلًا مَعْرُوفًا وَلَا تَعْزِمُوا عُقْدَةَ النِّكَاحِ
 حَتَّى يَبْلُغَ الْكِتَابُ أَجَلَهُ وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا فِي أَنفُسِكُمْ
 فَاحْذَرُوهُ وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ غَفُورٌ حَلِيمٌ

٢٣٥

Maksudnya: “Dan tidak ada kesalahan bagi kamu tentang apa yang kamu bayangkan (secara kiasan), untuk meminang perempuan (yang kematiannya suami datau masih dalam idah), atau tentang kamu menyembunyikan dalam hati (keinginan berkahwin dengan mereka). Allah mengetahui bahawa kamu akan menyebut-menyebut (atau mengingati) mereka, (yang demikian itu tidaklah salah), akan tetapi janganlah kamu membuat janji dengan mereka secara rahsia, selain daripada menyebutkan kata-kata (secara kiasan) yang sopan. Dan janganlah kamu

DEFINISI PERTUNANGAN

menetapkan dengan bersungguh-sungguh (hendak melakukan) akad nikah sebelum habis idah yang ditetapkan itu. Dan ketahuilah sesungguhnya Allah mengetahui apa yang ada dalam hati kamu, maka beringat-ingatlah kamu akan kemurkaanNya dan ketahuilah, sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Lemah Lembut.”

“Al-Khitbah” dalam Bahasa Arab atau bertunang dalam Bahasa Melayu bermaksud permulaan kepada nikah atau melamar wanita untuk dijadikan bakal isteri. Menurut pendapat Dr.Yusof Al-Qardawi pertunangan membawa makna menzahir dan mengiklankan kehendak atau kemahuan seseorang lelaki untuk berkahwin dengan seseorang wanita.

Pertunangan adalah satu sunnah dalam Islam sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah SAW kepada isteri baginda Aisyah binti Abu Bakar dan Hafsa binti Umar. Dengan adanya ikatan pertunangan tersebut, maka tergalaslah sebuah komitmen yang tidak rasmi pada lelaki dan perempuan tersebut yang belum berkahwin untuk mengenal hati budi masing-masing.

Tujuan pertunangan adalah bagi mengenal akhlak dan sifat pasangan sebelum diadakan akad nikah. Ia dapat membantu dalam menguatkan hubungan cinta serta mempersiapkan diri masing-masing sebelum berkahwin. Dalam sebuah hadis, Rasulullah saw bersabda kepada sahabat yang ingin bertunang:

اَنْظُرْ إِلَيْهَا فَإِنَّهُ اُخْرَى أَنْ يُؤْدَمَ بَيْنَكُمَا

Maksudnya : “Lihatlah perempuan itu dahulu kerana ia akan lebih mengekalkan kasih sayang antara kamu berdua.”

(Riwayat al-Tirmizi (1087)

HUKUM SYARAK PERTUNANGAN

01

HARUS SECARA SINDIRAN : HARUS

- Menyatakan di dalam hati secara sindiran.
- Secara terang- perempuan bukan berada dalam milikan orang.
- Perempuan bukan dalam tempoh idah.

02

TIDAK HARUS SECARA SINDIRAN ATAU TERANG-TERANGA: HARAM

- Perempuan berada dalam milikan orang (sebab nikah atau khitbah)
- Perempuan berada dalam tempoh idah talak raj'e

03

HARUS DALAM KEADAAN SINDIRAN TETAPI TIDAK DALAM TERANG- TERANGAN : HARAM

- Perempuan berada dalam tempoh idah kematian suami - 4 bulan 10 hari
- Perempuan yang berada dalam tempoh idah talak

SYARAT WANITA YANG DIPINANG

01

Tidak meminang tunangan/
isteri lelaki lain

03

Bertunang dengan
Wanita yang
dibenarkan syara'

02

Berjumpa dengan wali
Atau mahram wanita

04

Pertunangan wajib
dirahsiakan

HUKUM MELIHAT WANITA YANG DITUNANGI DAN BATASAN PERGAULAN

Antara perkara sunat yang digalakkan oleh Islam ialah seseorang lelaki melihat perempuan yang ingin dikahwininya sebelum peminangan. Ini disunatkan jika lelaki tersebut benar-benar berniat untuk mengahwininya dan berharap peminangannya akan diterima. Syarak membenarkan lelaki tersebut melihatnya tanpa meminta kebenaran dan tanpa pengetahuannya supaya dia tidak berhias terlebih dahulu. Jika perempuan tersebut berhias, tujuan melihat tidak akan tercapai.

Sahal bin Saad r.a. berkata : Seorang perempuan datang menemui Nabi Muhammad SAW dan berkata, "Wahai Rasulullah, aku datang untuk menyerahkan diriku kepadamu". Lalu Nabi SAW memerhatikan perempuan itu atas dan bawah kemudian baginda menundukkan kepalanya.

Wanita juga berhak melihat lelaki jika dia ingin berkahwin dengan lelaki tersebut supaya dia boleh melihat keadaannya dengan lebih jelas agar tidak menyesal selepas berkahwin. Sesungguhnya perempuan juga tertarik dengaan beberapa sifat seorang lelaki sebagaimana lelaki tertarik dengan beberapa sifat seorang perempuan.

Pertunangan juga bukan tiket untuk pasangan tersebut berdua-duaan, bergaul mesra atau berkhalwat di tempat-tempat yang sunyi. Hukum berdua-duaan (berkhalwat) antara pasangan yang bertunang sebelum akad nikah adalaah haram serta dimurkai oleh Allah Taala. Sabda Rasulullah SAW :

HUKUM MELIHAT WANITA YANG DITUNANGI DAN BATASAN PERGAULAN

Sabda Rasulullah SAW :

لَا يَخْلُونَ رَجُلٌ بِامْرَأَةٍ إِلَّا وَمَعَهَا ذُو مَحْرَمٍ

Maksudnya: "Tidak boleh sama sekali seorang lelaki berkhalwat dengan seorang perempuan (duduk berdua-duaan secara sunyi), melainkan bersama perempuan itu ada mahramnya".

(Riwayat Muslim)

Perempuan yang berakal dan cerdik ialah perempuan yang tidak memperlihatkan dirinya di hadapan tunangnya (selepas padangan pertunangan) sehingga selesai majlis akad nikah. Perempuan itu mesti memikirkan masa hadapannya dengan mengambil kira risiko yang bakal dihadapinya pada masa akan datang sekiranya dia selalu berdua-duaan dengan tunangannya. Sekiranya lelaki tersebut memutuskan tali pertunangannya kemungkinan tidak akan ada lelaki lain yang akan meminangnya apabila mengetahui hubungannya dengan bekas tunangnya.

Apabila akad nikah telah berlangsung, pergaulan dan berkhalwat dibenarkan kerana mereka telah disahkan menjadi pasangan suami isteri. Mereka boleh melihat antara satu sama lain tanpa sebarang dosa dan halangan.



WANITA YANG HARAM DIKAHWINI

Islam mensyariatkan dan menggalakkan perkahwinan dalam kehidupan harian. Walaupun begitu, Islam mengharamkan berkahwin dengan beberapa golongan perempuan. Pengharaman itu berpunca daripada pelbagai sebab antaranya :

- 01** Penghormatan dan penghargaan kepada perempuan tersebut seperti mengahwini ibu kandung sendiri.
- 02** Fitrah semula jadi manusia tidak mengingini perkara tersebut seperti berkahwin dengan anak perempuan/adik beradik sendiri.
- 03** Menjaga kehormatan tidak dapat dicapai dengan sempurna apabila berkahwin dengan kaum kerabat keluarga.
- 04** Membina keluarga dan hubungan kekeluargaan.

GOLONGAN WANITA YANG HARAM DIKAHWINI

HARAM SELAMA-LAMANYA

01

HARAM KERANA KETURUNAN (NASAB)

- i. Ibu, nenek sebelah ibu dan nenek sebelah bapa.
- ii. Anak perempuan, cucu perempuan daripada anak lelaki serta cucu perempuan daripada anak perempuan.
- iii. Adik-beradik perempuan seibu sebapa/sebapa/seibu.
- iv. Anak perempuan kepada adik beradik lelaki yang seibu sebapa/sebapa/seibu.
- v. Anak perempuan kepada adik-beradik perempuan yang seibu sebapa/sebapa/seibu.
- vi. Ibu saudara sebelah bapa iaitu adik beradik perempuan kepada bapa.
- vii. Ibu saudara sebelah ibu iaitu adik-beradik perempuan kepada ibu.

02

HARAM KERANA PERSEMENDAAN (PERKAHWINAN)

- i. Ibu, tiri, nenek tiri sebelah bapa dan nenek tiri sebelah ibu.
- ii. Menantu perempuan, isteri cucu daripada anak lelaki atau anak perempuan.
- iii. Ibu mentua.
- iv. Anak tiri perempuan.

GOLONGAN WANITA YANG HARAM DIKAHWINI

HARAM SELAMA-LAMANYA

03

HARAM KERANA HUBUNGAN PENYUSUAN

- i. Ibu susuan.
- ii. Adik-beradik perempuan susuan.
- iii. Anak susuan.
- iv. Ibu saudara susuan.

HARAM SEMENTARA WAKTU

01

Berkahwin dengan adik-beradik perempuan sekaligus (menghimpun).

02

Wanita yang bukan beragama Islam.

03

Wanita yang masih bersuami.

04

Berkahwin dengan adik-beradik perempuan sekaligus (menghimpun).

05

Wanita yang masih dalam idah.

06

Wanita yang diceraikan talak tiga.

07

Berkahwin lebih daripada empat orang perempuan dalam satu masa.

*Hasil
Pembelajaran*

1. Pelajar dapat menjelaskan hak-hak dalam perkahwinan menurut Islam.

1. Pelajar dapat menghuraikan peranan dan tanggungjawab suami dan isteri dalam rumah tangga.

PENULIS :
Masitah Binti Mohd Ali

DEFINISI NIKAH

Bahasa: Bersatu dan berkumpul.

Syarak: Akad yang mengharuskan hubungan suami isteri yang dibenarkan oleh syarak.

PENSYARIATAN NIKAH

Islam mensyariatkan pernikahan dan menetapkan peraturan yang sempurna berdasarkan prinsip yang kukuh dan menjamin kestabilan masyarakat, kebahagiaan rumah tangga, penyebaran kebaikan, pemeliharaan budi pekerti serta mengekalkan keturunan keluarga.

Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

وَأَنِّكُحُوا الْأَيْمَنَ مِنْكُمْ وَالصَّالِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ وَإِمَامَاتِكُمْ إِنِّي كُوْنُوا
فُقَرَاءَ يُغْنِيهِمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ وَاللَّهُ وَسِعٌ عَلِيمٌ
﴿٣٢﴾

Maksudnya : “Dan kahwinkanlah orang-orang bujang (lelaki dan perempuan) dari kalangan kamu, dan orang-orang yang soleh dari hamba-hamba kamu lelaki dan perempuan. Jika mereka miskin, Allah akan memberikan kekayaan kepada mereka dari limpah kurnianya kerana Allah Maha Luas (rahmatnya dan limpah kurnianya), lagi Maha Mengetahui”.

(Surah An-Nur : 32)

Sesungguhnya kebahagiaan rumah tangga, anak-anak yang cerdik dan kelangsungan kehidupan suami isteri bergantung kepada pemilihan pasangan masing-masing. Pemilihan ini mestilah berdasarkan dasar yang kukuh bagi mencapai tujuan perkahwinan tersebut. Antara langkah-langkah mencapai matlamat perkahwinan ialah :

01 Mencari sifat-sifat yang dituntut pada kedua-dua pasangan

- i. Penghayatan agama yang betul dan akhlak yang mulia.
- ii. Mengetahui keturunan pasangan.
- iii. Tidak berkahwin dengan saudara terdekat.
- iv. Memilih pasangan yang sekufu.
- v. Masih dara.
- vi. Perempuan yang subur.

02 Melihat bakal isteri

- i. Had pandangan – tidak boleh melihat bakal tunangan kecuali muka dan tapak tangan.

03 Meminang

- i. Meminang secara tasrih (terus-terang) atau kiasan.
- ii. Haram meminang perempuan yang telah dipinang oleh orang lain sekiranya pinangan tersebut telah diterima.



AMBIL TAHU

Hukum tidak bersalaman ketika akad nikah

DI SISI IMAM AL-SYAFIE
RAHIMAHULLAHU TAALA

Rukun nikah:

- Pengantin lelaki
- Pengantin perempuan
- Wali
- Dua orang saksi
- Sighah (ijab dan Qabul)

IMAM BADRUDDIN AL-A'INI
RAHIMAHULLAHU TAALA

- Bersalaman adalah sebagai tanda atau isyarat memilikinya sama ada pada pernikahan atau perjanjian.



Kesimpulannya:

“**Tidak bersalaman ketika menyebut lafaz akad nikah adalah sah di sisi syarak.**”

SUMBER:AL-KAFI #1686 | ADAKAH SAH NIKAHNYA SEKIRANYA TIDAK BERSALAMAN KETIKA AKAD NIKAH

 www.muftiwp.gov.my  Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan  pejabatmuftiwp  pejabatmuftiwp  Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan 

SUMBER : FB Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan

HIKMAH PERNIKAHAN

01

Memenuhi keperluan fitrah manusia

02

Memelihara daripada kemerosotan dan keruntuhan akhlak

03

Mengembangkan kekeluargaan dan mengeratkan semangat bekerjasama

04

Mengembangkan masyarakat Islam dengan keturunan yang soleh dan generasi terdidik

05

Mewujudkan ketenangan jiwa dan ketenteraman rohani

06

Menjaga kelangsungan generasi manusia yang sejahtera

JOM TONTON YouTube

HUKUM-HUKUM PERKAHWINAN



<https://www.youtube.com/watch?v=3VpwgeFaPGg>

HUKUM PERNIKAHAN

HUKUM	KEADAAN
SUNAT	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Berkeinginan untuk berkahwin ➤ Mampu memberi mas kahwin serta nafkah zahir dan batin ➤ Dapat menahan diri dalam perkara maksiat (zina)
WAJIB	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mampu dari segi nafkah zahir dan batin ➤ Boleh menanggung mas kahwin ➤ Tidak dapat menahan diri walaupun berpuasa dan yakin akan melakukan maksiat (zina)
MAKRUH	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Tidak mampu menyediakan mas kahwin dan nafkah ➤ Tidak berkeinginan untuk berkahwin ➤ Mempunyai kewangan yang kukuh tetapi lemah tubuh badan seperti terlalu tua, sakit yang berterusan atau lemah tenaga batin
HARAM	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Tidak mampu menyediakan mas kahwin dan nafkah ➤ Tidak berkeinginan untuk berkahwin ➤ Yakin akan melakukan kezaliman



RUKUN NIKAH

Nikah mempunyai lima rukun iaitu :

01

Sighah

02

Isteri

03

Suami

04

Wali

05

Dua orang saksi

RUKUN NIKAH PERTAMA : SIGHAH

Sighah ialah lafaz ijab dan qabul. Lafaz ijab adalah daripada wali dan lafaz qabul daripada pengantin lelaki.

Contoh lafaz ijab qabul :

Ijab (wali): "Aku nikahkan engkau dengan anak perempuan aku"

Qabul (pengantin lelaki): "Aku terima nikah anak perempuanmu"

Syarat Sighah:

- i. Hendaklah menggunakan lafaz nikah atau kahwin.
- ii. Lafaz ijab dan qabul hendaklah disebut secara jelas dan tenang.
- iii. Ijab dan qabul bersambung.
- iv. Wali dan pengantin lelaki waras sehingga selesai akad.
- v. Sighah menunjukkan akad berlaku ketika itu juga.
- vi. Sighah mestilah mutlak.

RUKUN NIKAH

RUKUN NIKAH KEDUA: ISTERI

Perempuan yang bakal menjadi isteri dan sah nikah jika bakal isteri memenuhi syarat-syarat berikut :

- i. Islam.
- ii. Tiada mempunyai halangan untuk berkahwin.
- iii. Bakal isteri ialah seorang perempuan yang telah ditentukan.
- iv. Bakal isteri bukan dalam ihram haji atau umrah.
- v. Tidak dalam idah.
- vi. Bukan isteri orang.

RUKUN NIKAH KETIGA: SUAMI

Lelaki yang bakal menjadi suami dan sah nikah jika bakal suami memenuhi syarat-syarat berikut :

- i. Islam.
- ii. Bukan mahram kepada perempuan yang ingin dikahwini.
- iii. Bakal suami ialah seorang lelaki yang telah ditentukan.
- iv. Bakal suami bukan dalam ihram haji atau umrah.

RUKUN NIKAH KEEMPAT: WALI

Wali bererti teman karib, pemimpin, pelindung atau penolong yang terdiri daripada ahli waris lelaki yang terdekat kepada pengantin perempuan. Syarat-syarat sah menjali wali :

- i. Islam.
- ii. Baligh.
- iii. Berakal.
- iv. Lelaki.
- v. Adil.
- vi. Merdeka.

RUKUN NIKAH

Susunan wali mengikut tertib ialah :

- i. Bapa kandung
- ii. Datuk sebelah bapa ke atas
- iii. Saudara lelaki seibu-sebapa
- iv. Saudara lelaki sebapa
- v. Anak saudara lelaki seibu-sebapa
- vi. Anak saudara lelaki sebapa
- vii. Bapa saudara sebelah bapa seibu-sebapa
- viii. Bapa saudara sebelah bapa sebapa
- ix. Anak lelaki bapa saudara sebelah bapa seibu-sebapa ke bawah
- x. Anak lelaki bapa saudara sebelah bapa sebapa ke bawah
- xi. Bapa saudara seibu-sebapa
- xii. Bapa saudara bapa sebapa
- xiii. Anak lelaki bapa saudara seibu-sebapa
- xiv. Anak lelaki bapa saudara sebapa ke bawah
- xv. Bapa saudara datuk seibu-sebapa
- xvi. Bapa saudara datuk sebapa
- xvii. Anak lelaki bapa saudara datuk seibu-sebapa ke bawah
- xviii. Anak lelaki bapa saudara datuk sebapa ke bawah
- xix. Muktiq (tuan kepada hamba perempuan yang dibebaskan).
- xx. Raja/Sultan.

RUKUN NIKAH

Jenis-jenis wali :

- i. Wali mujbir : Wali dari bapa sendiri atau datuk sebelah bapa (bapa kepada bapa) yang mempunyai kuasa mewalikan perkahwinan anak perempuannya atau cucu perempuannya dengan persetujuannya atau tidak.
- ii. Wali aqrab : Wali terdekat mengikut susunan yang layak dan berhak menjadi wali.
- iii. Wali ab'ad : Wali yang jauh sedikit mengikut susunan yang layak menjadi wali.
- iv. Wali raja/hakim : Wali yang diberi kuasa atau ditauliahkan oleh pemerintah.

RUKUN NIKAH KELIMA: DUA ORANG SAKSI

Islam mengambil langkah dengan mewajibkan kehadiran sekurang-kurangnya dua orang saksi untuk menyaksikan akad nikah tersebut. Di samping meletakkan beberapa syarat saksi yang melayakkannya menjadi tempat kepercayaan untuk memperakui kesan-kesan tersebut apabila diperlukan. Syarat dua orang saksi ialah :

- i. Islam
- ii. Berakal/baligh
- iii. Lelaki
- iv. Adil
- v. Pendengaran yang baik
- vi. Penglihatan yang baik

WALIMAH AL-URS(KENDURI KAHWIN)

Pengertian Walimah al-Urs

Walimah berasal daripada perkataan *al-walmu* bermaksud perjumpaan. Kenduri yang diadakan adalah untuk meraikan pasangan yang baharu dan selamat melangsungkan perkahwinan.

Waktu Walimah

Waktu kenduri adalah panjang dan luas iaitu dari berlakunya akad sehingga selepas persetubuhan.

Hukum Menerima Undangan Walimah

- i. Jika dikhurasukan kepada orang kaya sahaja maka tidak wajib hadir.
- ii. Hendaklah jemputan pada hari pertama, jika walimahnya diadakan lebih daripada sehari. Sunat menghadirinya jika dijemput pada hari kedua.
- iii. Makruh menghadiri jemputan tersebut pada hari ketiga.

Hikmah Walimah

01

Melahirkan rasa syukur kepada Allah

02

Menuruti ajaran Islam dan sunnah Nabi Muhammad saw

03

Menghindari dari timbulnya fitnah masyarakat

04

Medium hebahan mengenai perkahwinan yang berlangsung kepada orang ramai

HAK-HAK PERKAHWINAN

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ
 وَبِمَا أَنفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ فَالصَّدِيقُ حَدَثٌ قَاتَنَتْ
 حَفِظَاتٌ لِلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ وَالَّذِي تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ
 فَعِظُوهُنَّ وَاهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَاضْرِبُوهُنَّ فَإِنْ
 أَطَعْنَكُمْ فَلَا يَنْبَغُوا عَلَيْهِنَّ سَيِّلًا إِنَّ اللَّهَ كَارِ عَلَيْهَا

كَبِيرًا ٣٤

Maksudnya : "Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, kerana Allah telah melebihkan orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan atas orang – orang perempuan dan juga kerana orang lelaki telah membelanjakan (member nafkah) sebahagian daripada harta mereka. Maka perempuan – perempuan yang soleh itu ialah taat (kepada Allah dan suaminya) dan memelihara (kehormatan dirinya dan apa juar yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama dengan pemeliharaan Allah dan pertolongannya."

(Surah an-Nisa': 34)

HAK-HAK PERKAHWINAN

Dalam institusi perkahwinan, Allah telah mengamanahkan tanggungjawab tertentu kepada pasangan suami dan isteri. Tanggungjawab ini merupakan ibadat yang mesti ditunaikan oleh pasangan dan perlaksanaan tanggungjawab sepertimana yang dikehendaki Allah akan membawa kebahagiaan kepada keluarga.

Setiap individu di dalam sebuah keluarga mempunyai tanggungjawab dan hak yang tersendiri bagi menjamin keharmonian serta kebahagiaan rumah tangga di dunia dan akhirat.

TANGGUNGJAWAB BERSAMA

- i. Memelihara dan mendidik anak berlandaskan Islam.
- ii. Menghubungkan silaturahim dengan keluarga kedua belah pihak.
- iii. Saling hormat menghormati dan menjaga aib masing-masing.
- iv. Saling menasihati dan tegur menegur kepada kebaikan.
- v. Menjaga kebaikan anak-anak seperti Pendidikan dan kesihatan.

HAK-HAK PERKAHWINAN**TANGGUNGJAWAB
SUAMI**

- i. Memberi nafkah zahir dan batin.
- ii. Memberi didikan agama secukupnya kepada isteri.
- iii. Memberi layanan yang baik, lemah lembut dan penyayang kepada isteri.
- iv. Menyediakan tempat tinggal yang selesa kepada isteri dan anak-anak.

**TANGGUNGJAWAB
ISTERI**

- i. Mentaati suami.
- ii. Menjaga maruah dan kehormatan diri.
- iii. Menjaga harta suami.
- iv. Memberi layanan yang baik dan mesra kepada suami.
- v. Menetap di rumah kediaman suami.

MAS KAHWIN

وَإِنْ أُولَئِنَّ نِسَاءً صَدُّقَتْهُنَّ نِحْلَةً فَإِنْ طِبَنَ لَكُمْ عَنْ شَيْءٍ مِّنْهُ نَفْسًا فَأْكُلوهُ



Maksudnya : "Dan berikanlah maskawin (mahar) kepada perempuan (yang kamu nikahij) sebagai pemberian yang penuh kerelaan. Kemudian, jika mereka menyerahkan kepada kamu sebagian dari (maskawin) itu dengan senang hati, maka terimalah dan nikmatilah pemberian itu dengan senang hati."

(Surah an-Nisa' : Ayat 4)

DEFINISI MAS KAHWIN

Pemberian wajib daripada suami kepada isteri sama ada berbentuk wang atau sesuatu yang bernilai selepas akad nikah.

01**Mahar Mithli**

Mahar yang tidak ditentukan kadarnya tetapi dinilai mengikut kadar mahar saudara perempuan yang telah berkahwin.

02**Mahar Musamma**

Mahar yang ditetapkan kadarnya mengikut persetujuan kedua-dua belah pihak.

MAS KAHWIN**Contoh Mahar****01**

Wang ringgit

02

Harta benda

03

Ilmu yang bermanfaat

04

Al-Quran

05

Makanan

06

Emas dan perak

Hikmah Mahar**01**

Lambang kasih sayang dan keikhlasan suami.

02

Memberi kegembiraan kepada isteri untuk hidup bersama suami.

03

Memuliakan dan mengiktiraf kaum wanita.



ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN**BERSUCI**

1. Bersuci dari sudut istilah :

2. Apakah hikmah disyariatkan bersuci?

i _____

ii _____

iii _____

iv _____

3. Najis terbahagi kepada :

i _____

ii _____

iii _____

4. Senaraikan air yang suci dan menyucikan.

i _____

ii _____

iii _____

iv _____

v _____

vi _____

vii _____

5. Apakah maksud air mutanajis?

ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN**WUDUK**

1. Berapakah fardu wuduk?

2. Apakah maksud tertib dalam fardu wuduk?

3. Berikan contoh perkara sunat ketika berwuduk.

i _____

ii _____

iii _____

4. Apakah perkara-perkara makruh dilakukan semasa berwuduk?

i _____

ii _____

iii _____

iv _____

5. Nyatakan 3 perkara yang membatalkan wuduk.

i _____

ii _____

iii _____

ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN**MANDI DAN TAYAMUM**

1. Berikan definisi mandi berikut :

Mandi Biasa	Mandi Sunat	Mandi Wajib

2. Apakah perkara yang mewajibkan mandi?

i.	ii.	iii.
iv.	v.	vi.

3. Terangkan cara mandi wajib mengikut syariat.

4. Apakah rukun tayamum?

- i _____
- ii _____
- iii _____
- iv _____

5. Apakah perkara yang membatalkan tayamum?

- i _____
- ii _____
- iii _____

ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN**SOLAT**

1. Berikan pentakrifan solat dari segi bahasa dan syarak.

Bahasa : _____

Syarak : _____

2. Jelaskan 3 syarat sah solat.

i _____

ii _____

iii _____

3. Nyatakan 3 perkara yang boleh membatalkan solat.

i _____

ii _____

iii _____

4. Huraikan cara mengerjakan sujud sahwı.

5. Nyatakan 3 syarat Jamak Takdim.

i _____

ii _____

iii _____

6. Apakah yang dimaksudkan dengan solat sunat istikharah?

7. Nyatakan LIMA (5) perkara-perkara sunat yang patut dilakukan pada hari Jumaat.

i _____
 ii _____
 iii _____
 iv _____
 v _____

ARAHAN : Tandakan (✓) bagi pernyataan yang BETUL dan (X) bagi pernyataan yang SALAH.

Pernyataan	✓ / X
1. Faris dengan sengaja tidak membaca doa qunut ketika solat Subuh. Solatnya tidak sah dan dia perlu menunaikannya semula.	
2. Islam menyarankan ibu-bapa mendidik anak-anak mengerjakan solat apabila berumur 7 tahun dan memukul mereka jika masih enggan ketika berumur umur 10 tahun.	
3. Solat Asar yang ditunaikan oleh Azizul tidak sah kerana beliau terlupa untuk membaca tasyahud awal.	
4. Suci daripada hadas dan najis merupakan salah satu daripada syarat sah solat.	
5. Sujud sahwai sunat dilakukan kerana terlupa melakukan perkara sunat ab'ad.	

ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN**PUASA**

1. Berikan pentakrifan puasa dari segi bahasa dan syarak.

Bahasa : _____

Syarak : _____

2. Jelaskan 3 syarat wajib puasa.

i _____

ii _____

iii _____

3. Huraikan rukun puasa.

i _____

ii _____

4. Jelaskan kifarat (denda) yang perlu dilaksanakan oleh suami bagi suami isteri yang bersetubuh pada siang hari bulan Ramadan.

i _____

ii _____

iii _____

5. Nyatakan 3 perkara yang membatalkan puasa.

i _____

ii _____

iii _____

6. Nyatakan hari-hari yang dilarang berpuasa.

i _____

ii _____

iii _____

iv _____

7. Berikan 3 syarat sah berpuasa.

- i _____
- ii _____
- iii _____

ARAHAN : Nyatakan hukum puasa bagi situasi di bawah (sah - haram - makruh).

Situasi	Hukum
1. Hakimi berbuka puasa sebelum matahari terbenam yang mana pada sangkaannya sudah masuk waktu berbuka.	
2. Sabrina mengambil suntikan vaksin Covid-19 pada siang hari bulan Ramadan.	
3. Zakiah telah suci daripada haid pada malam hari bulan Ramadan. Beliau mandi wajib setelah azan Subuh berkumandang.	
4. Haikal melaksanakan puasa sunat pada 30 Syaaban.	
5. Suhaila merasa makanan dengan lidahnya semasa beliau menyediakan juadah untuk berbuka puasa.	

ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN**PERTUNANGAN**

1. Apakah maksud pertunangan menurut Islam?

2. Apakah tujuan pertunangan?

3. Apakah syarat-syarat wanita yang hendak dipinang?

i _____

ii _____

iii _____

iv _____

4. Apakah sebab seorang wanita haram dikahwini selama-lamanya?

i _____

ii _____

iii _____

5. Siapakah wanita yang haram dikahwini sementara waktu?

i _____

ii _____

iii _____

iv _____

v _____

vi _____

ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN**PERNIKAHAN**

1. Apakah maksud nikah dari sudut :

Bahasa : _____

Syarak : _____

2. Apakah rukun nikah.

i _____

ii _____

iii _____

iv _____

v _____

3. Apakah syarat-syarat seorang bakal suami?

i _____

ii _____

iii _____

4. Nyatakan tanggungjawab suami dan isteri.


Suami	Isteri

5. Nyatakan hukum pernikahan dalam keadaan berikut :

Keadaan	Hukum
Yakin akan melakukan kezaliman terhadap isteri dan tidak mampu menyediakan mas kahwin serta nafkah.	
Tidak mampu menegah diri daripada melakukan maksiat walaupun setelah berpuasa serta mampu dari segi zahir dan batin	
Dapat menahan diri daripada melakukan zina dan berkeinginan untuk berkahwin.	

Islam sebagai ad-din merupakan manhaj kehidupan yang menyeluruh sifatnya. Justeru, menjadi kewajipan kepada manusia untuk memberikan pengisian yang berkualiti, bersungguh-sungguh dan sempurna dengan penuh kesedaran agar tamadun manusia dapat ditegak atas dasar yang kukuh serta mendapat keredaan daripada Allah SWT.

Sebagai seorang muslim yang beriman seharusnya mendidik diri, keluarga dan masyarakat untuk memahami serta menghayati perkara-perkara asas yang terangkum dalam syariat Islam. Selain itu, ilmu pengetahuan berkaitan fardu ain merupakan perkara penting dalam memandu kehidupan harian dan membentuk diri ke arah menjadi hamba Allah yang bertakwa.



Buku:

1. Ismail Kamus. Mohd. Azrul Azlen Ab. Hamid. (2009). *Indahnya Hidup Bersyariat*. Kuala Lumpur : Telaga Biru Sdn. Bhd.
2. Md. Hashim Yahaya. (2011). *Ensiklopedia Solat*. Kuala Lumpur : Telaga Biru Sdn.Bhd.
3. Mustofa Al-Khin. Mustofa Al-Bugho. Ali Asy-Syarbaji. (2011). *Al-Fiqh Al-Manhajī Mazhab Al-Syafie*. Putrajaya : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
4. Sulaiman Endut. (2001). *Asas-Asas Fardu Ain*. Kuala Lumur : Pustaka Haji Abdul Majid.

Laman sesawang :


1. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang. Diperolehi pada 12 Ogos 2022 daripada
<https://jksnpp.penang.gov.my/index.php/en/18-penerbitan-mahkamah/88-bidang-kuasa-wali-dalam-pernikahan>
2. Koleksi sebahagian gambar daripada pautan :
<https://pixabay.com>
<https://unsplash.com>

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الْذِكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.

It is certainly We Who have revealed the Reminder, and it is certainly We Who will preserve it.

Surah al-Hijr : 9



UNIT PENERBITAN

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
Persiaran Usahawan, Seksyen U1,
40150 Shah Alam
Selangor

Telephone No. : +603 5163 4000
Fax No : +603 5569 1903

